

**HISTORIOGRAFI MANUSKRIP JAWI NUSANTARA: ANALISIS
SEJARAH DALAM TUHFAT AL-NAFIS DAN SULALAT AL-SALATIN
[THE JAWI HISTORIOGRAPHY MANUSCRIPTS OF NUSANTARA: A
HISTORICAL ANALYSIS OF TUHFAT AL-NAFIS AND SULALAT AL-
SALATIN]**

*Makmur Haji Harun**,

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
Perak, Malaysia.

makmur@fbk.upsi.edu.my

Mohd Kasturi Nor Bin Abd Aziz

Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Malaysia

Sitti Rachmawati Yahya

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bangi, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK

Manuskrip bertulisan Jawi merupakan kekayaan khazanah orang Melayu yang banyak menjadi rujukan pelbagai bidang ilmu termasuk bidang sejarah. Hal ini mendorong para intelektual dan ilmuan terdahulu menyusun pelbagai manuskrip untuk menjadi rujukan bagi generasi kemudiannya. Ada dua manuskrip Melayu yang banyak mengkaji sejarah iaitu Tuhfat al-Nafis dan Sulalat al-Salatin sama ada dirujuk menjadi petunjuk sejarah mahupun tujuan dikaji, dibaca, difahami, ditulis, dipelajari dan sebagainya. Kedua manuskrip ini ditulis oleh dua tokoh hebat di Alam Melayu yang membuktikan bahawa kepengarangan orang Melayu dapat setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia sehingga karya-karyanya pun masih lagi dapat dilihat, dikaji, diteliti, dipelajari sehingga ke hari ini. Manuskrip Tuhfat al-Nafis karya Raja Ali Haji merupakan teks ungkapan sejarah yang tidak asing lagi bagi orang

Melayu terutamanya dalam kalangan sejarawan pengkaji Kesultanan Johor-Riau Lingga dan Tanah Melayu. Manuskrip ini merupakan kitab sejarah terpenting dalam kesusasteraan Melayu selepas Sulalat al-Salatin karya Tun Sri Lanang seorang Bendahara Johor sekitar tahun 1612. Ketika itu, Johor diperintah oleh Sultan Alauddin Riayat Shah III (1597-1615). Realisasi teks kedua manuskrip ini dihasilkan lebih terkehadapan berbanding teks-teks lainnya yang sezaman dengannya dan penerapannya sangat panjang sehingga dapat dirasai sehingga kini. Fokus kajian tertumpu kepada perbandingan kedua manuskrip tersebut sama ada kelebihan dan kelemahannya masing-masing agar dapat berguna sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di masa akan datang terutama dalam bidang sejarah. Objektif kajian ini ingin menganalisis secara mendalam pengungkapan sejarah silam yang telah dipaparkan oleh kedua penulisnya sebagai pembuktian mendasar pentingnya manuskrip-manuskrip Jawi lama untuk dikaji dan dipelajari. Metodologi kajian yang digunakan adalah analisis perbandingan dan juga turut dikembangkan melalui kajian perpustakaan. Sedangkan implikasi kajian ini diharapkan dapat menjadi aras dan identiti tersendiri bagi orang Melayu melalui penerimaan mereka terhadap pelbagai manuskrip Jawi lama sekali gus menjadi warisan khazanah bangsa Melayu di Nusantara dari masa ke masa.

Kata kunci: Historiografi manuskrip Melayu, Manuskrip Jawi, Tuhfat al-Nafis dan Sulalat al-Salatin.

ABSTRACT

Manuscripts written in Jawi is the richness of the Malays which many refer various fields including the field of history. This prompted intellectuals and scientists earlier compiled a manuscript to be a reference for later generations. There are two Malay manuscripts that many studied the history are Tuhfa alNafis and Sulalat al-Salatin whether referred to clue in history or purpose studied, read, understood, expressed, learned, and so on. The two manuscript was written by two great figures in the Malay proving that the authorship of the Malays can be on par with other nations

in the world until his work was still to be seen, studied, review, deepened, learned today. Manuscript of Tuhfat al-Nafis by Raja Ali Haji is an expression of historical texts that are familiar to people, particularly among historians of the Malay Sultanate researchers of Johor-Riau Lingga and Malaya. This manuscript is the most important teks in the history of Malay literature after the descent Sulalat al-Salatin by Bendahara Tun Sri Lanang a Johor circa 1612. At that time, ruled by the Johor Sultan Alauddin Shah Mahmud III (1597-1615). The actual text of the manuscript produced both more advanced than other texts of his contemporaries and it's so long that it can be felt today. The focus of the study focused on the comparison of the two manuscripts is whether the advantages and disadvantages of each in order to be useful as a teaching and learning in the future, especially in the field of history. The objective of this study to analyze in depth the disclosure of history that has been displayed by both authors as proof the fundamental importance of the old Javanese manuscripts to be studied and learned. The methodology used is the comparison and analysts were also developed through the research library. Implikasi While this study is expected to be rendered and the identity of the Malays through their acceptance of various old Jawi manuscripts thus becoming the heritage of the Malay archipelago nation from time to other time.

Keywords: Historiography of Malay manuscripts, Jawi manuscripts, Tuhfat al-Nafis and Sulalat al-Salatin.

PENGENALAN

Pelbagai manuskrip yang terdapat di Nusantara merupakan kekayaan khazanah sangat berharga bagi orang Melayu yang diwariskan turun temurun dari generasi ke generasi berikutnya dan banyak menjadi rujukan dalam pelbagai ilmu pengetahuan termasuk bidang sejarah. Hal ini mendorong para penulis terdahulu untuk menyusun pelbagai manuskripnya untuk dijadikan sebagai rujukan penting generasi berikutnya. Kemudian penulisannya biasanya dihiasi dengan gaya kesusasteraan Melayu klasik yang

bercorak sejarah. Oleh itu, sejarah yang disampaikan melalui tulisan berbentuk sastera dan diperkaya dengan faktafaktanya seperti nama-nama pelaku, latar belakang tempat, dan latar masa sesuatu peristiwa, maka karya manuskrip yang bersifat demikian itulah yang sering disebut dengan sastera sejarah.

Hasil penulisan manuskrip yang bersifat sastera sejarah terdiri dari dua bentuk, iaitu puisi dan prosa. Puisi digunakan untuk menceritakan peristiwa yang sifatnya sesaat, dan tidak berhubungan dengan urusan istana atau negara. Prosa pula digunakan oleh pengarang untuk menceritakan keadaan negara. Manuskrip sastera sejarah dalam bentuk puisi di antaranya adalah Syair Raja Ali Haji, Syair Singapura Terbakar, dan Syair Perang Siak. Lima teks sastera sejarah berbentuk prosa yang banyak mendapat perhatian para peneliti terutama para sejarawan bagi yang ingin mengkaji tentang historiografi, iaitu Hikayat *Raja-raja Pasai*, *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)*, *Hikayat Merong Maha Wangsa*, *Misa Melayu*, dan *Tuhfat al-Nafis*. Maka di antara karya-karya sastera sejarah tersebut ada manuskrip *Tuhfat al-Nafis* dan *Sulalat al-Salatin*.

Manuskrip *Tuhfat al-Nafis* dan *Sulalat al-Salatin* keduanya banyak dirujuk menjadi petunjuk sejarah yang menceritakan keadaan sesuatu negara di Alam Melayu semasa lampau. Kedua manuskrip ini ditulis oleh dua tokoh berpengaruh di Nusantara yang membuktikan bahawa kepengarangan orang Melayu sangatlah hebat dapat setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia sehingga karya-karyanya pun masih lagi dapat dilihat, dikaji, diteliti, dikaji dan dipelajari sehingga kini. *Tuhfat al-Nafis* merupakan sebuah karya Raja Ali Haji yang menceritakan susur galur sejarah orang Bugis di Melaka, Johor dan juga Riau. Raja Ali Haji menekankan konsep historiografi historiografi tentang perihal orang Bugis dalam penjajahan dan penaklukan yang mengandungi bayan siri peperangan antara Raja Melayu dan Raja Bugis. Manuskrip tersebut merupakan catatan daripada Raja Haji Ahmad, iaitu ayahanda kepada Raja Ali Haji tetapi setelah meninggalnya beliau maka tugas penulisan selanjutnya disambung oleh Raja Ali Haji.

Manuskrip *Sulalat al-Salatin* (Sejarah Melayu) pula yang dikarang oleh Tun Sri Lanang sangat dikenali kerana karyanya tersebut merangkumi pelbagai sejarah masyarakat Melayu, Jawa, Brunei, Pattani dan Campa. Kebenaran tentang beliau sebagai penulis asal atau sekadar penyunting kitab tersebut tidak dapat dipastikan dengan tepat. Namun menurut Syeikh Nuruddin al-Raniri, ulama dan penasihat agama di Kesultanan Aceh, telah memperakukan Tun Sri Lanang sebagai pengarang dan penyusun Sulalat al-Salatin kerana beliau kenal rapat dengannya. Manuskrip tersebut telah dapat disiapkan penulisan dan penyalinannya dalam masa dua tahun iaitu pada tahun 1614M selepas tarikh penulisan yang dimulai pada tahun 1612M. Sulalat al-Salatin adalah diperakui sebagai satu sumber terkaya dan terlengkap yang menceritakan tentang sejarah bangsa-bangsa yang mendiami bumi Nusantara.

Realisasi teks kedua manuskrip ini dihasilkan lebih terkehadapan berbanding teks-teks lainnya yang sezaman dengannya dan penerapannya sangat panjang sehingga dapat dirasai sehingga kini. Selain karya-karya yang dimuatkan dalam kedua manuskrip tersebut termasuklah berunsur humor dan kisah-kisah percintaan serta salasilah raja-raja yang telah disampaikan mesejnya kepada pembaca melalui imaginasi yang kaya, lukisannya tepat dan tajam. Kedua pengarangnya juga berjaya menunjukkan penguasaan mereka dalam pelbagai bahasa asing seperti bahasa Arab, Inggeris, Bugis dan Jawa. Penggunaan bahasa Melayunya pula dengan gaya yang indah dan sesuai dijadikan panduan penulisan sepanjang zaman. Melalui kedua karya manuskrip tersebut, dapat dibuktikan bahawa Raja Ali Haji adalah seorang pakar bahasa, politikus sekali gus juga sejarawan. Sementara Tun Sri Lanang pula seorang yang mempunyai minat tinggi dengan sejarah dan suasana pergolakan politik di Melaka pada masa itu dapat mencorakkan lingkungannya, dan sangat berminat membaca naskhah sastera dan sejarah tertua seperti Hikayat Raja-raja Pasai (Kesultanan Pasai-Samudera) yang sedikit sebanyak menyumbang kepada idea kepengarangannya.

Kini, sudah ratusan puisi, drama, pantun, gurindam, filem, lukisan, esei dan karya sejarah adalah diilhamkan dari kedua manuskrip yakni Tuhfat al-Nafis dan Sulalat al-Salatin Sulalat al-Salatin yang juga sudah banyak diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa asing lain seperti bahasa Jerman, Arab, Belanda, Russia dan Inggeris. Oleh sebab itu, kajian kepada perbandingan kedua manuskrip tersebut sama ada kelebihan dan kelemahannya masing-masing sangatlah penting agar dapat berguna sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di masa akan datang terutama dalam bidang sejarah sesuatu negara di Nusantara dan pengungkapan sejarah silam yang telah dipaparkan secara mendalam oleh kedua penulis manuskrip tersebut sebagai pembuktian mendasar pentingnya manuskrip-manuskrip Jawi lama untuk dikaji dan dipelajari. Sekali gus diharapkan dapat menjadi aras dan identiti tersendiri bagi orang Melayu melalui penerimaan mereka terhadap pelbagai manuskrip Jawi yang menjadi warisan bangsa Melayu di Nusantara.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini ingin menganalisis secara mendalam pengungkapan sejarah silam yang telah dipaparkan oleh penulis kedua manuskrip Jawi tersebut di Nusantara iaitu Tuhfat al-Nafis dan Sulalat al-Salatin sebagai pembuktian mendasar betapa pentingnya manuskrip-manuskrip Jawi klasik untuk dikaji dan dipelajari oleh para sarjana tempatan dan luar negara.

METODOLOGI

Metodologi kajian yang digunakan dalam mengangkat khazanah kedua manuskrip Jawi ini antara Tuhfat al-Nafis dan Sulalat al-Salatin adalah analisis perbandingan antara dua mansukrip dari cara menghuraikan sejarah dan sebagainya selain turut dikembangkan melalui kajian di beberapa perpustakaan untuk menyokong hasil dapatan kajian yang telah dijalankan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sebelum kajian ini dijalankan, pengkaji telah menemui pelbagai manuskrip bertulisan Jawi dalam Alam Melayu dalam pelbagai general dan bidang termasuk mengenai sejarah yang dirujuk oleh para sarjana tempatan atau pun luar negara. Kemudian dari kesekian banyaknya manuskrip yang mengungkap tentang sejarah terdapat lagi perbezaan dan pendekatan dalam mengungkap fakta dan realitinya, cara dan metode penulisannya, isi dan kandungannya, masa dan tempohnya, tujuan dan matlamatnya, dan sebagainya. Oleh sebab permasalahan tersebut melalui kajian perbandingan ini pengkaji ingin menganalisis secara mendalam salah satu pengungkapan sejarah silam tersebut seperti yang telah ditulis oleh Raja Ali Haji melalui manuskripnya yang sangat popular bagi orang Melayu iaitu Tuhfat al-Nafis dan catatan Tun Sri Lanang melalui manuskripnya Sulalat al-Salatin sebagai pembuktian hebat dalam sejarah Melayu di Nusantara sehingga mengundang para sarjana-sarjana tempatan dan bangsa-bangsa Eropah lainnya untuk mengenal lebih mendalam kedua manuskrip Jawi tersebut dari semasa ke semasa.

REALISASI KEPENGARANGAN TUHFAT AL-NAFIS

Manuskrip Tuhfat al-Nafis yang mula ditulis pada tahun 1865 M merupakan karya agung dari pengarangnya Raja Ali Haji berupa teks ungkapan sejarah yang tidak asing lagi bagi orang Melayu di Nusantara terutamanya dalam kalangan sejarawan sebagai pengkaji Kesultanan Johor-Riau Lingga dan Tanah Melayu. Manuskrip ini merupakan kitab sejarah terpenting dalam kesusasteraan Melayu. Huraian butirannya secara terperinci seperti berikut.

Biografi Pengarang Tuhfat al-Nafis

Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad atau cukup dengan nama panggilannya Raja Ali Haji, beliau lahir di Selangor pada tahun 1808

M atau 1809 M (masih diperdebatkan) dan meninggal di Pulau Penyengat, Kepulauan Riau, pada tahun 1873 M. Beliau bergelar Engku Haji Tua setelah melakukan ziarah ke Mekah. Beliau adalah cucu Raja Ali Haji Fii Sabilillah (saudara Raja Lumu, Sultan pertama Selangor). Fii Sabilillah adalah keturunan keluarga kerajaan Riau berketurunan askar Bugis yang datang ke daerah tersebut pada abad ke-18. Beliau merupakan keturunan kedua (cucu) dari Raja Haji Fii Sabilillah, Yang Dipertuan Muda IV dari Kesultanan Lingga-Riau yang juga merupakan seorang bangsawan Bugis. Bundanya, Pn Hamidah binti Malik adalah saudara sepupu dari ayahnya dan juga dari keturunan Suku Bugis. Razi Ali Haji dipindahkan oleh keluarganya ke Pulau Penyengat saat masih bayi, ia dibesarkan dan menerima pendidikan di sana.

Beliau merupakan seorang ulama, sejarawan, bahasa, pujangga dan budaya Melayu di abad ke-19. Beliau terkenal sebagai pencatat pertama dasar-dasar tatabahasa Melayu melalui karyanya Pedoman Bahasa; buku yang menjadi standard bahasa Melayu di Nusantara. Bahasa Melayu standard itulah yang dalam Kongres Pemuda Indonesia, 28 Oktober 1928 ditetapkan sebagai bahasa nasional, Bahasa Indonesia. Beliau ditetapkan oleh pemerintah Republik Indonesia sebagai pahlawan nasional pada tarikh 5 November 2004. Sementara, mahakarya Raja Ali Haji iaitu Gurindam Dua Belas (1847 M), menjadi pembaharu arus sastera pada zamannya. Kitabnya yang bertajuk Pengetahuan Bahasa iaitu Kamus Loghat Melayu-Johor-Pahang Riau-Lingga penggal pertama, merupakan kamus ekabahasa pertama di Nusantara. Beliau juga menulis Syair Siti Shianah, Syair Suluh Pegawai, Syair Hukum Nikah, dan Syair Sultan Abdul Muluk.

Raja Ali Haji dibesarkan di Pulau Penyengat, sebuah pulau kecil di Kepulauan Riau, yang ketika itu menjadi pusat kebudayaan Melayu dan pusat ilmu pengetahuan Islam di Kepulauan Melayu. Sebagai putera daripada golongan bangsawan Riau, beliau pernah memegang pelbagai jawatan penting dalam kerajaan Riau-Johor. Beliau berpengetahuan luas tentang agama Islam dan ilmu pentadbiran. Pengetahuan agama yang mendalam diperolehnya daripada ulama-ulama setempat dan luar negara. Beliau menjadi

guru agama dan mengajar bahasa Arab. Beliau juga terdidik dengan ilmu bidang lain, dan telah menghasilkan karya dalam pelbagai bidang, termasuk bahasa, agama, sastera, sejarah, dan undang-undang. Beliau turut menjadi guru agama yang mengajar tatabahasa, fiqah, dan tasawuf. Dalam bidang Bahasa pula, Beliau telah menghasilkan dua buah karya yang amat penting dalam perkembangan bahasa Melayu, iaitu *Bustan al-Katibin* (1857 M) dan *Pengetahuan Bahasa* (1859 M).

Raja Ali Haji merasakan sekali betapa hadirnya pengaruh kebudayaan Barat dan interaksinya yang intensif dengan budaya Melayu menimbulkan banyak cabaran yang sukar. Beliau percaya bahawa setiap perubahan pasti menimbulkan banyak akibat yang tidak diinginkan, kerana kebudayaan Barat dalam banyak hal bertentangan dengan adat resam orang Melayu Islam. Nilai-nilai luhur yang agung dari kebudayaan Melayu boleh terhakis disebabkan fitnah yang bertubi-tubi dilancarkan Barat, khususnya melalui propaganda kaum orientalismenya yang memburukburukkan hampir semua aspek kebudayaan Asia, khususnya Melayu Islam. Kerosakan kebudayaan Melayu akibat pengaruh kebudayaan Barat sangat jelas nampak melalui rosaknya bahasa Melayu yang dilakukan demi pembaharuan atau modenisasi segala bidang.

Kata Virginia Matheson Hooker (1991), "Raja Ali Haji menganggap bahawa perhatian yang sungguh-sungguh terhadap tatabahasa adalah penting untuk memperoleh ucapan yang tepat dan ungkapan yang halus. Imam al-Ghazali dalam menulis *Kitab Ilmu* merasa perlu mendalami keahlian dalam bidang ilmu bahasa, sebagai disiplin ilmu pelengkap dan cara menambah ilmu pengetahuan dan mendekatkan diri kepada Allah..." Pandangan Imam al-Ghazali inilah yang mengilhami Raja Ali Haji dalam menulis kitab-kitabnya, kerana wujudnya kerosakan dalam bidang bahasa merupakan petanda kemerosotan tata nilai dalam kehidupan dan menjadi kemunduran pemikiran sesuatu bangsa.

Karakteristik Manuskrip Tuhfat al-Nafis

Tidak dapat disangsikan lagi bahawa karya terbesar Raja Ali Haji ialah *Tuhfat al-Nafis* (Anugerah berharga). Walaupun yang memulai penulisan kitab ini ialah ayahandanya Raja Ahmad, namun yang menyusun, merombak, menyelesaikan dan yang bertanggungjawab atas keseluruhan penyelesaian penulisannya oleh Raja Ali Haji. Kitab ini dapat digolongkan sebagai karya sejarah bercorak sastera dan adab, yakni walaupun yang dipaparkan adalah fakta-fakta dan peristiwa-peristiwa sejarah, namun yang jauh lebih penting lagi huraian yang ingin ditekankan oleh penulisnya ialah persoalan sastera. Fakta dan peristiwa sejarah, yang melibatkan manusia sebagai pelaku utama yakni khususnya raja, pemimpin politik, tokoh sosial keagamaan dan pegawai kerajaan yang dilihat oleh pengarangnya dari sudut pandang tasawuf. Kemudian dipaparkan seolah-olah sebagai cermin agar pembaca melihat betapa keimanan, moral, ikhtiar dan akal budi memainkan peranan penting dalam menentukan nasib dan martabat sebuah kaum, bangsa atau masyarakat manusia.

Raja Ali Haji yakin bahawa Islam dan prinsip keislaman yang selama ini dijadikan pedoman bangsa Melayu merupakan pegangan yang benar, tetapi sayangnya dalam pelaksanaannya sering disalahgunakan oleh sikap individu dan lalai disebabkan kecintaan berlebihan dari para pemimpin Melayu sendiri terhadap kesenangan dan kekuasaan duniawi. Melalui karyanya ini beliau memulai dengan puji-pujian kepada Allah SWT dan selawat kepada Nabi Muhammad SAW. Sesudah itu memaparkan maksud penulisan karyanya, iaitu menguraikan peristiwa-peristiwa penting yang dialami raja-raja Melayu dan Bugis selama lebih dua kurun sejak pertengahan abad ke-17 hingga awal abad ke-19. Peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dijadikan cermin untuk menyampaikan gagasan dan falsafah hidup pengarang, khususnya mengenai pentingnya akhlak, keimanan, budaya kreatif, adat istiadat dan ilmu pengetahuan. Semua itu adalah penting untuk memelihara negara dan masyarakat. Kemerosotan negeri-negeri Melayu dan krisis politik yang dialami pada abad ke-18 dan 19 bersumber daripada

krisis moral dan lunturnya keimanan raja-raja Melayu dan kelalaian memelihara serta menegakkan kebudayaan bangsanya secara mandiri. Krisis ini pada akhirnya mengandung campur tangan kolonial Inggeris dan Belanda yang berjaya memecah kerajaan Melayu besar terakhir Johor-Riau yang menjadi kerajaan Johor dan Riau Lingga.

Raja Melayu lain yang perangnya buruk dan membawa bencana bagi negeri dan rakyat, dicontohkan oleh Raja Ali Haji iaitu Raja Kecil Siak dan Raja Kecil Terengganu. Raja Kecil Siak digambarkan sebagai tokoh yang gemar memperlihatkan kekuasaan dengan segala tipu muslihat tanpa mampu mengukur kekuatan dirinya. Beliau ingin merebut kekuasaan dari tangan Raja Abdul Jalil kerana merasa bahawa dialah satu-satunya anak almarhum Sultan Mahmud. Siasat yang dilakukan ialah menakutnakti dan memecah belah rakyat. Kerana rakyat takut akan tulah almarhum Sultan Mahmud, maka ramailah orang membelot kepadanya dan dengan mudah Sultan Abdul Jalil mudah dikalahkan. Raja Kecil juga dilukiskan orang bengis dan kasar, serta tega mencemarkan nama baik keluarga.

Secara umum Raja Ali Haji melukiskan dalam *Tuhfat alNafis* keunggulan orang Melayu (keturunan Bugis) yang memiliki etos kerja yang terpuji dan lebih mengutamakan ikhtiar serta akal budi dalam mengatasi pelbagai persoalan. Sedayaupaya mereka dalam bidang ekonomi berkaitan dengan ketangguhan mereka berpegang pada identiti budaya dan memelihara adat istiadat kesarjanaan. Lebih daripada itu, Raja Ali Haji menggambarkan dengan teliti dalam kitabnya iaitu betapa dahsyatnya proses demoralisasi yang melanda kehidupan raja-raja dan bangsawan Melayu selama Inggeris dan Belanda menancapkan taring kekuasaannya di Alam Melayu. Hanya melalui proses demoralisasi tersebut mereka menguasai Nusantara. Hal itu ditambah lagi dengan pertikaian dan perpecahan yang sering terjadi dalam kalangan pemimpin Melayu sesama sendiri. Perpecahan semakin nampak kerana ketamakan dan kedengian antara sesama pemimpin dari masing-masing kaum dalam masyarakat Melayu.

Sebagai karya sastra dan adab, *Tuhfat al-Nafis* juga membincangkan masalah raja yang baik dan buruk, yang adil dan zalim. Raja berakhlak buruk biasanya congkak, serakah, jahat, iri hati, pendengki dan merasa benar sendiri, serta gemar menghambur-hamburkan wang, tidak peduli dengan masalah pentadbiran istana, tidak suka humor dan menghambat kemajuan dalam berfikir. Kaum ulama, sarjana dan budayawan dipinggirkan dalam menyelenggarakan kehidupan bernegara dan berbangsa. Perbezaan *Tuhfat* dengan karya sejarah yang lebih awal, ialah dalam *Tuhfat* unsur legenda dan mitos dihilangkan. Tarikh peristiwa-peristiwa juga dinyatakan dengan jelas. Kedaulatan seorang raja, menurut penulis kitab ini, tidak dapat diukur hanya berdasarkan garis keturunan. Seorang raja memiliki kedaulatan apabila ia memiliki kemampuan memimpin dan pengetahuan luas dalam bidang yang diperlukan seperti hukum, politik, agama, sejarah, bahasa dan kebudayaan.

Raja Ali Haji memang percaya bahawa takdir menentukan kehidupan manusia, khususnya manusianya, namun yang lebih menentukan lagi runtuhnya suatu kaum ialah wujudnya kelalaian kaum itu sendiri dan pembangkangannya terhadap hukum yang Allah SWT telah perintahkan. Pembangkangan terhadap ajaran agama dan akhlak merupakan sebab utama dari pelbagai konflik dan malapetaka yang menimpa masyarakat. Beliau memberi contoh betapa kestabilan Riau dan kesejahteraan masyarakatnya menjadi rosak akibat kegagalan orang Melayu Riau menaati ajaran agama dan menguasai dirinya sendiri. Daya-daya tersembunyi yang merosak kehidupan masyarakat bukanlah tergantung takdir, tetapi hasrat manusia yang gemar mengikuti hawa nafsunya. Orang yang suka mengikuti hawa nafsunya cenderung sombong, keras kepala dan egois dan individual, serta gemarkan gossip dan menyebarkan fitnah. Keistimewaan karya ini telah banyak dikemukakan para peneliti seperti Tengku Iskandar (1996), Barbara Watson (1982), Ali Ahmad (1987), Virginia Matheson (1999) dan lain-lain, sama ada Ali Ahmad mahupun Virginia Matheson memandangkan bahawa *Tuhfat al-Nafis* merupakan karya yang bercorak sejarah dalam bahasa Melayu yang gaya bahasanya sangat elok dan indah setelah kitab

Sejarah Melayu (Abad ke-17 M). Sebagai karya besar, manuskrip ini juga mudah dibaca kerana bahasanya ringan dan mudah difahami. Bahkan Virginia Matheson memandang bahawa Tuhfat merupakan karya sejarah Melayu paling canggih dan kompleks yang ditulis oleh pengarang Melayu sehingga akhir abad ke-19 M.

Kitab sejarah yang lebih luas dan terperinci kandungannya ialah Tuhfat al-Nafis yang mula ditulis pada tahun 1885 M. Kitab yang terdiri daripada dua bahagian ini membincangkan sejarah Singapura, Melaka, Johor, dan riwayat raja-raja Bugis. Kecintaan Raja Ali Haji terhadap kesusasteraan, khususnya puisi terserlah melalui tulisan sejarahnya yang sering disulami syair, puisi, pantun dan gurindam sehingga dalam kitab Pengetahuan Bahasa karangannya terdapat juga beberapa rangkap puisi. Kebanyakan karya sastera beliau terutamanya syair, juga menghuraikan hal keagamaan, misalnya Syair Jatuhnya Negeri Johor, Syair Gurindam Dua Belas, Syair Taman Pertama, Syair Abdul Muluk, Syair Siti Sianah, dan Syair Hukum Nikah. Di samping itu, Raja Ali Haji juga menghasilkan dua buah karya undang-undang, iaitu Thamarat al-Muhamed ... Ahli alMahkamah (1896 M) dan Mukaddimah fii Intizam al-Wazaif alMalik (1857 M) (Mohd. Taib Osman, T.th).

Sesungguhnya, Raja Ali Haji merupakan tokoh pengarang yang agung pada zaman pertengahan abad ke-19 M. Dengan bakatnya yang besar dan kecintaannya kepada ilmu, bahasa dan persuratan, beliau muncul sebagai cendekiawan Melayu yang serba boleh dan telah menghasilkan karya dalam pelbagai bidang. Beliau dapat dianggap sebagai salah seorang pemikir besar dalam dunia persuratan Melayu, terutamanya dalam bidang agama, sejarah, bahasa dan kesusasteraan. Oleh itu, melalui apa yang telah dipaparkan di atas dari sekian banyak karya Raja Ali Haji dapat disimpulkan setidak-tidaknya ada tiga hal yang relevan dijadikan pembelajaran melalui manuskrip tersebut.

Pertama ancaman dari dalam berupa pertikaian antar kaum atau etnik, serta kelalaian menjalankan perintah agama dan memelihara kebudayaan yang sudah mantap sebagai sumber identiti dan ilham pembaharuan dan inovasi. Para umara dan pemimpin masyarakat juga harus merasa terpenggil dalam

memperbaiki kualiti pengajaran bahasa dan pelajaran karang mengarang. Kesusasteraan Melayu dan kesusasteraan Nusantara lain yang utama perlu diajarkan dengan baik di sekolah menengah. Kedua, ancaman dari luar, derasnya pengaruh budaya asing yang masuk hampir ke semua aspek kehidupan masyarakatnya. Sayangnya budaya asing yang masuk tersebut, khususnya budaya Barat, yang diambil hanya aspek dan unsur negatif bukan positifnya. Oleh itu, Raja Ali Haji juga mengingatkan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan suatu kaum atau bangsa hancur ialah adanya pertikaian antar-etnik, perpecahan dari kalangan pemimpin, pembangkangan terhadap agama dan kebudayaan, serta proses demoralisasi yang dirancang bangsa lain untuk menguasai ekonomi, politik dan alam fikiran bangsa kita. Dan Ketiga, merosotnya suatu kaum juga bermula dari ketidakpedulian para ulama terhadap kesejahteraan rakyat, keamanan negara dan kualiti pendidikan. Raja Ali Haji dan saudara mara dan kerabatnya di Pulau Penyengat Riau pada abad ke-19 M telah memberikan suri tauladan yang terpuji, bukan hanya bagi masyarakat Melayu di Riau, tetapi juga kepada semua bangsa dan warga Nusantara secara keseluruhannya. Bangsa dan warga Nusantara berhutang budi terutama kerana jasanya dalam mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa intelektual dan budaya, yang melaluinya bahasa warga Nusantara yang baik boleh dijemakan dan dikembangkan di dunia moden.

APLIKASI KEPENGARANGAN SULALAT AL-SALATIN

Manuskrip Sulalat al-Salatin merupakan karya hebat dari penulisnya Tun Sri Lanang sebagai seorang Bendahara Johor sekitar tahun 1612 M. Ketika itu, Johor diperintah oleh Sultan Alauddin Riayat Shah III (1597-1615 M). Realisasi teks kedua manuskrip bertulisan Jawi tersebut yang dihasilkan lebih terkehadapan jika dibandingkan dengan teks-teks manuskrip Jawi lainnya di Alam Melayu yang sezaman penulisannya ketika itu. Berikut paparan secara terperinci seperti di bawah ini.

Sekilas Biografi Tun Sri Lanang Penyusun Sulalat al-Salatin

Tun Sri Lanang atau nama sebenarnya ialah Tun Muhamad bin Tun Ahmad. Beliau dilahirkan di Bukit Seluyut, Batu Sawar, Johor pada tahun 1565 M, nama timang-timangan diberikan kepadanya Tun Muhammad, anak Temenggung Tun Ahmad Paduka Raja yang merupakan seorang Bendahara Kerajaan Johor pada kurun ke-17 Masihi, ketika itu Johor telah kalah dalam peperangan dengan Aceh yang diperintah oleh Sultan Iskandar Muda Aceh.

Beliau kemudiannya telah dibawa ke Aceh pada tahun 1613 M dan telah menetap di negeri Samalanga yakni pemerintahan otonomi di Aceh serta penasihat kepada tiga sultan Aceh, iaitu Sultan Iskandar Muda (1607-1636 M), Sultan Iskandar Thani (1636-1641 M), dan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah (1641-1675 M). Ketika itu, ramai bangsawan dan rakyat Johor yang mengikut beliau ke Aceh dan dikatakan seramai ribuan orang. Sultan Iskandar Muda telah melantik beliau sebagai penasihat utama Baginda dan diberi gelaran 'Orang Kaya Datuk Bendahara Seri Paduka Tun Seberang'. Beliau kemudian mendirikan pusat penyebaran agama Islam dan pendidikan terutamanya di negeri-negeri pesisir timur Aceh. Kemudiannya telah diangkat menjadi raja di negeri Samalanga pada tahun 1615 M Aceh, Indonesia dan mangkat pada tahun 1659 M di Lancok dan telah dimakamkan di situ. Pada masa itu, beliau telah berjaya menjadikan negeri Samalanga sebagai sebuah pusat penyebaran agama Islam sehingga kini pun kawasan tersebut masih lagi menjadi tumpuan bagi sesiapa sahaja yang ingin mendalami ilmu agama. Tun Sri Lanang mempunyai darah keturunan Tun Perak, bendahara Melaka yang bijak sehingga mampu membawa Melaka terkenal ke persada dunia. Beliau juga pernah menjadi Bendahara Johor pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil antara 1580 M dan 1615 M (Sri Lanang Jaya Hj. Rohani, Abd. Rahman Napiah Mohd Rashid Md. Idris, 2016: 42).

Tun Sri Lanang pernah membantu Raja Abdullah memerintah Johor setelah Sultan Alauddin Riayat Syah tidak berminat untuk memerintah Johor lagi. Pada masa itu, beliau lebih terkenal sebagai pemimpin tetapi beliau mempunyai minat dalam

dunia kepengarangan Titah raja dilakukannya dengan sempurna. Raja Abdullah telah meminta beliau mengarang buku Sejarah Melayu pada tahun 1612 M. Beliau pun bermula mengarang pada bulan Februari 1614 M sewaktu di Johor dan kemudian bersambung mengarang di Aceh. Selepas selesai mengarang Sejarah Melayu, Tun Sri Lanang sedar bahawa karyanya mengenai salasilah raja-raja Melaka. Oleh itu, beliau telah memberi nama Sulalat al-Salatin untuk teks tersebut yang bermaksud “Salasilah Segala Raja-Raja”.

Tun Sri Lanang merupakan penulis atau pengarang karya agung yang amat berjasa kepada dunia Melayu sehingga kini. Beliau merupakan tokoh pengarang disifatkan sebagai seorang kreatif, berpengetahuan luas dalam aspek penggunaan gaya bahasa dan penulisan, peraturan dan adat istiadat Melayu, penghasilan mengenai sejarah dan peradaban, kebudayaan dan sistem pemerintahan Melayu. Melalui karyanya Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu) yang merangkumi pelbagai sejarah masyarakat Melayu, Jawa, Brunei, Pattani dan Campa. Kebenaran tentang beliau sebagai penulis asal atau sekadar penyunting kitab tersebut tidak dapat dipastikan dengan tepat. Namun menurut Syeikh Nuruddin al-Raniri, ulama dan penasihat agama Sultan Aceh, telah memperakukan Tun Sri Lananglah sebagai pengarang dan penyusun Sulalat al-Salatin kerana beliau kenal rapat beliau. Manuskripnya tersebut telah disiapkan penulisan dan penyalinannya dalam masa dua tahun iaitu pada tahun 1614 M selepas tarikh penulisannya yang dimulai pada tahun 1612 M. Karya terunggul beliau tersebut seringkali dijadikan rujukan sejarah bagi mengkaji peradaban Tamadun Islam Beraja dan juga menjadi sumber rujukan mengenai kebudayaan dan ketamadunan masyarakat Melayu terawal.

Teuku Iskandar dan A. Samad Ahmad juga berpendapat bahawa bukan perkara luar biasa jika seorang Bendahara dapat mengarang hikayat, jika dilihat semula nenendanya Tun Isap Misai pernah menulis Hikayat Anak Panah Sedasa. Malah ketokohan dalam bidang penulisan ini juga diwarisi oleh zuriat Tun Sri Lanang seperti daripada pujangga Riau yakni Raja Ali Haji. Tun Sri Lanang mula menumpukan perhatian dalam pengkajian hasil-hasil

kesusasteraan Aceh selepas perang di Batu Sawar pada tahun 1613 M apabila beliau ditawan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah III dan dibawa ke Aceh. Oleh sebab itu, beliau mempunyai masa yang panjang untuk mengkaji dan menelaah hasil-hasil karya tersebut.

Realisasi Kepengarangan Sulalat al-Salatin

Realisasi karya Sulalat al-Salatin dianggap sebagai karya begitu indah dan menarik dari segi gaya bahasa dan persuratannya. Kandungannya meliputi unsur kelucuan, kebijakan, sindiran, perlambangan, peribahasa, bidalan, pantun seloka, dan gurindam yang dikarang dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, Arab, Jawa dan lain-lain dengan begitu teliti dan kemas. Namun, ia juga tidak terlepas daripada 'Polemik Sejarah' kerana naskhah tersebut didakwa bukan naskhah asal karangan Tun Sri Lanang tetapi kandungannya adalah daripada Hikayat Melayu yang diberikan oleh Tun Bambang Sri Narawangsa, anak Sri Askar Raja, Pattani. Hikayat itu dikatakan telah dikarang dan disusun semula oleh Tun Sri Lanang atas titah Raja Abdullah, iaitu adinda Sultan Alauddin Riayat Shah III yang akhirnya menjadi Sulalat al-Salatin. Sejarah penting berkaitan arahan dan galakan oleh Raja Abdullah kepada Tun Sri Lanang untuk menulis dan mengarang tentang Sejarah Melayu ada tercatat dalam manuskrip tersebut sebagai mukaddimah.

Melalui titah Raja Abdullah tersebut, dapat disimpulkan bahawa penulisan Sulalat al-Salatin telah dimulakan pada 12 Rabiul Awal 1021 H bersamaan Mei 1612 M ketika itu Sultan Alauddin Riayat Shah III bersemayam di Pasir Raja. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan tentang tarikh karya itu mula dikarang namun beberapa sarjana telah menyelesaikan masalah ini dan bersetuju bahawa tarikh sebenar ialah pada hari Ahad. Mereka yang telah menyelidik dan berjaya menyelesaikan masalah ini adalah termasuk Teuku Iskandar dan A. Samad Ahmad. Oleh kerana maklumat tentang latar belakang beliau sangat terhad, jadi antara maklumat yang diperolehi adalah daripada beberapa teks yang secara kebetulan menceritakan tentang pengarang ini. Maklumat terpenting mengenai beliau turut tercatat dalam mukadimah

beberapa versi Sejarah Melayu termasuk edisi Shellabear (pertama kali diterbitkan pada tahun 1989 M) dan dalam Sulalat al-Salatin yang diselenggara oleh A. Samad Ahmad (pertama kali diterbitkan pada tahun 1979M). Karya beliau sedikit sebanyak telah menyumbang maklumat berkenaan diri beliau iaitu tentang keturunannya yang digelar Tun Sri Lanang, dilantik menjadi Bendahara Paduka Raja pada zaman pemerintahan Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah (Raja Abdullah). Maklumat lebih jelas mengenainya diperoleh dari penyelidikan (A. Halim Nasir, 1995).

Teuku Iskandar (1995 M) telah membuat kesimpulan berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh dengan berpendapat bahawa Sejarah Melayu yang terdapat dalam Hikayat Melayu telah wujud sebelum Melaka dikalahkan oleh Portugis lagi dan bukan merupakan hasil karangan seorang pengarang tunggal. Tradisi penulisan seperti ini telah diinspirasikan daripada penulisan manuskrip oleh sami-sami kuil Buddha yang ingin mengekalkan penulisan kitab Maharamsa di Sri Lanka. Juga daripada contoh catatan oleh raja-raja yang memerintah Sulawesi apabila berlaku sesuatu peperangan, kelahiran, kematian, pertabalan raja dan sebagainya. Pendapat bahawa Sejarah Melayu telah wujud sebelum 1511 M juga dapat dibuktikan dengan kenyataan tentang Sultan Muzaffar Syah yang memerintah pada tahun 1444-1458 M yang telah meminta segala undang-undang dan peraturan kerajaan dicatatkan dalam bentuk tulisan.

Wujudnya karya Sulalat al-Salatin ini yang cuba dinafikan oleh sesetengah pihak tentang penulis sebenarnya seperti seorang penulis barat iaitu R.O. Winstedt. Namun, pendapat beliau dibantah oleh ramai sarjana tempatan dan luar negara. Menurut Teuku Iskandar dalam bukunya Kesusasteraan Melayu Klasik Sepanjang Abad berkata bahawa Tun Sri Lanang bukan penulis asal Sulalat al-Salatin. Walaupun begitu, menurut beliau berdasarkan penyelidikan-penyelidikan dibuat menunjukkan bahawa penyalin naskhah Melayu itu bukanlah penyalin dalam erti kata yang sebenarnya seperti mana berlaku di Bali. Penyalin juga boleh dianggap penyerang kerana banyak memperbaiki kesalahan dan menambah sebarang kekurangan dalam karya, mengurangkan apa

yang dirasakan lebih, serta mengubah struktur dan gaya bahasa karya asal bersesuaian dengan keadaan pada zaman itu. Jika dilihat semula pada mukaddimah yang ditulis oleh beliau dalam kitab Sulalat al-Salatin, Teuku Iskandar berpendapat bahawa Tun Sri Lanang bukan sekadar penerjemah bahkan merupakan penulis asal karya tersebut.

Pendapat tersebut disokong oleh penulis buku Sejarah Johor, Buyong Adil yang menyatakan, bahawa “Tun Sri Lanang selalu berguru daripada ulama terkenal di Aceh seperti Nuruddin al-Raniri, Tun Aceh, Tun Burhat, Hamzah Fansuri, Syeikh Syamsuddin al-Sumaterani. Dengan itu, Syeikh Nuruddin al-Raniri tentu amat mengenali Tun Sri Lanang”. Kemudian Abdul Samad Ahmad juga dalam Sulalat al-Salatin versi beliau, turut membangkang pendapat R.O. Winstedt dengan hujah-hujah yang kukuh. Beliau berasa hairan dengan Winstedt yang beria-ia menafikan Tun Sri Lanang sebagai penulis dan penyusun Sulalat al-Salatin sedangkan Winstedt sendiri ada menyatakan dalam mukaddimah edisinya yang berbunyi “... Demikian bunyinya titah Yang Maha Mulia itu, bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara, peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya ... Bendahara yang disebutkan itu tentunya bukan Tun Bambang....”

Beliau juga menambahkan bahawa Tun Sri Lanang menulis karya tersebut untuk menggembirakan rajanya, setelah memohon petunjuk daripada Allah SWT dan syafaat daripada Nabi Muhammad SAW. Maka bermulalah penulisan Sulalat al-Salatin atau “Pertuturan segala Raja-raja” berdasarkan apa yang diceritakan oleh ayah dan datuknya. Oleh sebab itu, sudah tentu karya tersebut dikarang dengan penuh teliti dan berhati-hati oleh Tun Sri Lanang dan padanya karya itu cukup sempurna dari aspek sasteranya. Seperti dalam mukaddimah Sulalat al-Salatin ada mencatatkan bahawa Tun Sri Lanang telah menulis kitab tersebut di atas titah Raja Abdullah yang menginginkan hikayat dan istiadat Raja-raja Melayu ditulis supaya beroleh kebaikan dan faedah daripadanya untuk tatapan generasi masa kini. Seperti ungkapannya “Bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara pada menyatakan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya

supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinyalah segala perkataan, syahadan beroleh faedah mereka itu daripadanya” (A. Samad Ahmad, 1986: 2-3).

Kepelbagaian versi Sejarah Melayu juga telah membuatkan kita dapat membaca pelbagai versi tentang sejarah Sultan Mansur Syah yang dilegendakan perkahwinannya dengan Puteri Jawa dan Puteri Pahang. Begitu juga dengan peminangan Sultan Mahmud Syah terhadap Puteri Gunung Ledang yang diubah oleh penyalin kepada Sultan Mansur Syah mungkin kerana kekagumannya terhadap Sultan Mansur Syah dengan harapan dapat meningkatkan lagi citra Sultan namun tidak menyedari tentang interpretasi cerita tersebut telah mengurangkan kewibawaan Sultan. Antara perubahan lain yang berlaku dalam Sejarah Melayu adalah seperti perubahan watak Hang Jebat yang bertarung dengan Hang Tuah yang telah diubah kepada Hang Kasturi dalam versi lain. Sejak itu penulis dengan mudah dan berani dapat mengkritik dan menyindir Sultan secara terbuka melalui pelbagai kisah seperti peminangan Puteri Gunung Ledang, peristiwa pembunuhan Bendahara Seri Maharaja dengan keluarganya yang mengandungi pengajaran dan teladan. Dengan fakta yang disediakan oleh Tun Sri Lanang telah memperlihatkan kepengarangannya dalam karyanya yang ditulis dan dilukis dengan penuh imaginasi dan indah sekali seperti peristiwa pembunuhan Bendahara.

Bahagian akhir Sulalat al-Salatin secara tidak langsung memperlihatkan kemahiran dan kewibawaan Tun Sri Lanang dalam menangani masalah selepas kemangkatan Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah. Raja Abdullah yang diwariskan takhta kepadanya tidak mahu ditabalkan sebagai raja dan menyerahkannya kepada kakandanya Raja Mansur dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah III. Sungguhpun begitu, segala hal pentadbiran diserahkan kepada Tun Sri Lanang. Oleh hal yang demikian, Tun Sri Lanang terpaksa berulang-alik berjumpa Raja Abdullah untuk berunding hal negeri dan pada ketika itulah Raja Abdullah mengetahui tentang Hikayat Melayu lalu menitahkan Tun Sri Lanang untuk memperbaiki karangannya. Sehingga pada tahun 1726 M, Francois Valentijn telah menyenaraikan Sulalat al-Salatin di samping Hikayat Hang Tuah dan

Bustana al-Salatin sebagai suatu karya yang wajib dibaca oleh orang Barat yang datang ke Nusantara. Hal ini adalah kerana kehalusan bahasa yang digunakan, keindahan pemikiran dan keteraturan adab yang disampaikan dalam karya tersebut akan membuatkan sesiapa yang membacanya merasa terpesona dan terkesima dengan ketinggian ilmunya.

Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa Tun Sri Lanang telah berjaya menjalankan tugasnya sebagai pengarang dan penyusun Sulalat al-Salatin yang cukup hebat sekali sehingga karya tersebut terus-menerus menjadi rujukan dan bahan perbincangan dalam penulisan kesusasteraan Melayu sehingga berabad lamanya. Beliau bukan sahaja penyalin biasa, bahkan beliau telah mengisi peranannya dari pelbagai sudut seperti menyemak ketepatan fakta, meneliti cerita asal yang ditulis daripada pencerita, menjadi perunding adat dan istiadat diraja, juga menyelaraskan kesempurnaan gaya bahasa yang digunakan dalam keseluruhan teks. Naskhah Hikayat Melayu bukanlah naskhah hikayat hiburan semata-mata tetapi merupakan naskhah yang mengisahkan tentang raja-raja dan adat istiadat sesuatu negeri. Oleh itu, sangat penting naskhah ini diberikan kepada orang yang tepat supaya boleh dikemas kini dengan baik untuk tatapan generasi akan datang. Pemilihan Tun Sri Lanang sebagai pengarang dan penyusun Sulalat al-Salatin adalah orang yang tepat kerana kebijaksanaan ditunjukkan oleh beliau dalam karya tersebut.

ANALISIS SEJARAH DALAM TUHFAT AL-NAFIS DAN SULALAT AL-SALATIN

Keberadaan manuskrip Tuhfat al-Nafis sebagai kumpulan cerita mengenai silsilah raja-raja Melayu, Bugis, Siak, Johor, sampai Singapura berserta riwayat kerajaannya. Menurut R.O. Winstedt, teks ini merupakan karya terpenting dalam serangkaian karangan Melayu yang berbentuk sejarah selain Sejarah Melayu. Tetapi dikatakan secara keseluruhan karya ini masih mirip dengan Salasilah Melayu dan Bugis. Selain itu, Tuhfat al-Nafis sering digunakan sebagai bahan rujukan penting bagi penyusunan sejarah

Riau dan Johor, serta masalah-masalah lain bangsa Melayu. Selain itu, manuskrip Sejarah Melayu atau yang dinamai Sulalat al-Salatin. Pengarang naskah ini adalah suatu karya atau manifestasi yang bersifat individualiti dengan merujuk kepada pengarangnya iaitu Tun Sri Lanang. Beliau adalah orang yang bertanggungjawab menjadikan Hikayat Melayu sebuah karya yang begitu indah sekali dengan idea dan imajinasinya yang bernas disampaikan dalam karya sangat berkualiti mengenai pengungkapan sejarah.

Kandungan Kedua Manuskrip Sebagai Karya Sejarah

Manuskrip Tuhfat al-Nafis sedikit berbeza dengan karya-karya sejarah lainnya. Penulisan teks ini cenderung lebih serius bila dibandingkan dengan karya sejarah yang muncul sebelumnya kerana bahagian mitos dan legenda hampir-hampir tidak dinyatakan dalam naskah ini. Selain itu, dalam teks sastera sejarah biasanya tidak mencantumkan tarikh dan nama pengarang, tetapi dalam Tuhfat al-Nafis terdapat tarikh tahun dan dapat diketahui siapa pengarangnya. Hal ini disebabkan pengarang abad ke-19 M telah berani bertanggungjawab atas karya-karyanya, di antaranya adalah Raja Ali Haji. Raja-raja keturunan Bugis pada masa itu biasa menulis catatan harian sehingga mencantumkan tarikh dan tahun menjadi hal yang biasa bagi mereka.

Perbezaan versi pendek dan versi panjang dalam manuskrip ini iaitu dalam versi pendek tidak terdapat selawat dan salam (mukadimah) di awal cerita, dan versi pendek ini menggunakan kata-kata yang lebih pendek tanpa sebutan gelar, penegasan kata dan partikel-partikel lainnya. Tetapi dalam versi panjang penulis telah menyebutkan sebuah peristiwa atau objeknya secara jelas. Kemudian teks versi pendek adalah yang dikarang oleh Raja Ahmad (Engku Haji Tua). Sementara teks versi panjang adalah teks pendek yang telah ditulis kembali dan dilengkapi oleh Raja Ali Haji (putera Raja Ahmad). Versi yang lebih panjang mempunyai beberapa hal tambahan mengenai kehidupan Raja Ali dan isterinya di Pulau Penyengat, Pulau Pinang, keuzurannya dalam perjalanan ke Juana, dan cerita-cerita tentang pengajaran agama dan sebagainya.

Penulisan versi pendek dianggarkan selesai pada bulan November 1866 M dan penulisannya kembali dimulai saat itu sehingga meninggalnya Raja Ali Haji.

Pada abad ke-19, raja-raja Bugis berada di bawah kekuasaan Belanda sehingga mereka kehilangan pengaruh politik. Oleh kerana itu, mereka mengalihkan tumpuan aktivitinya kepada agama Islam dan persuratan. Aktiviti persuratan ini mencapai puncak kejayaan pada tahun 1850-an dan 1860-an dengan lahirnya Tuhfat al-Nafis. Kegiatan ini sempat mengalami kemunduran. Namun, kembali berjaya kerana berdirinya sebuah percetakan dan Kelab Pengajian di Penyengat. Selanjutnya, penduduk setempat dan orang luar menjadikan Riau dan Penyengat sebagai pusat utama kebudayaan Melayu dan agama Islam.

Kegiatan persuratan berakhir tahun 1913 M ketika Belanda secara resmi membubarkan kerajaan Riau-Lingga. Hal ini mengakibatkan tokoh-tokoh utama Penyengat berhijrah ke Singapura. Walaupun telah berakhir, kegiatan persuratan dan anggapan Riau-Lingga sebagai pusat kebudayaan dan agama mampu menarik perhatian orang luar, antara lain para sarjana Barat yang datang untuk meneliti keaslian dan ketinggian bahasa Melayu, seperti sarjana Belanda H. Von De Wall. Selain itu, anak-anak raja Melayu juga mengirim utusan menemui raja-raja di Penyengat untuk meminta bantuan dalam masalah adat, pemerintahan, dan salasilah.

Penyebaran Tuhfat al-Nafis juga dilakukan melalui penerbitan dan pemberian. Naskhah ini diterbitkan pertama kali oleh R.O. Winstedt dalam tulisan Jawi berdasarkan sebuah naskhah milik Tengku Fatimah. Selanjutnya, naskhah ini dirumikan oleh Encik Munir bin Ali dan tahun 1965 M dan diterbitkan di Singapura. Tahun 1982 M, Virginia Matheson juga menerbitkan Tuhfat al-Nafis yang berdasar pada sebuah naskhah yang ditulis pada tahun 1896 M sebagai hadiah untuk A.L. Van. Hasselt. Kemudian Tuhfat al-Nafis telah banyak dijadikan sebagai bahan penelitian oleh beberapa tokoh dan ilmuwan. Salah satunya iaitu Virginia Matheson, ia telah meneliti naskhah ini untuk membuat tesis PhD nya. Ia pun telah meneliti lima manuskrip Tuhfat al-Nafis dan membuat beberapa

paper mengenai hal tersebut. Selain itu, Jalal Ahmad dan Mohd. Taib Osman juga membuat esei mengenai naskhah ini.

Ringkasan Kedua Manuskrip Karya Agung

Teks manuskrip ini diawali dengan penjelasan salasilah raja-raja Melayu, Siak, dan Bugis. Bahagian pertama, bercerita tentang pendirian kerajaan Singapura oleh Raja Sri Tri Buana sampai dengan pemerintahan Raja Mahmud di Johor. Kedua, menceritakan Sultan Mahmud membunuh isteri Megat Sri Rama yang sedang hamil kerana memakan buah nangka miliknya. Dengan dukungan Bendahara dan Tumenggung, Megat Sri Rama membunuh Sultan Mahmud. Bendahara lalu menjadi raja Johor dengan gelar Sultan Jalil, oleh kerana serangan Raja Kecil, ia melarikan diri ke Pahang dan terbunuh di sana. Raja Kecil bermaksud merebut kembali Riau dari tangan Sultan Sulaiman Badr Alam Syah, tetapi gagal, lalu ia menjadi gila setelah kematian isterinya. Raja Alam, anak Raja Kecil terusir dari Siak dan mendirikan kerajaan di Pulau Siantan. Setelah gagal dikalahkan oleh Sultan Sulaiman, Sultan Terengganu, dan Tun Dalam, Raja Alam dikalahkan oleh orang Bugis. Kemudian ia melarikan diri ke Matan. Daeng Kemboja lalu dilantik menjadi Yamtuan Muda.

Sultan Salahuddin meninggal dan digantikan anaknya Raja Ibrahim. Raja Haji berselisih faham dengan Belanda kerana masalah pembahagian rezeki. Peperangan Penyengat dengan Belanda berlangsung hampir setahun dengan bantuan Raja Ibrahim, Raja Haji mengepung Belanda di Melaka. Ketika Raja Ibrahim kembali ke Rembau untuk menikah, Belanda dengan bantuan dari Betawi menyerang Teluk Ketapang. Raja Haji terbunuh dan mayatnya dibawa ke Betawi, tetapi kapal yang membawanya terbakar di tengah laut. Kemudian Belanda dengan bantuan Raja Siak, Yamtuan Muhammad Ali dan menantunya Syaid Ali menyerang Selangor dan membuat Raja Selangor melarikan diri ke Pahang. Raja Selangor dibantu Sultan Pahang merebut kembali Selangor dan akhir membuat perjanjian dengan Belanda. Orang Bugis memaksa Raja Ali dilantik menjadi Yamtuan Muda Riau. Lalu Belanda menyerang

Riau, Yamtuan Muda dan semua orang Bugis melarikan diri ke Sukadana. Orang Melayu membuat perjanjian dengan Belanda dan orang Bugis tidak akan diberi jawatan apa pun di Riau. Sultan Mahmud bersama Raja Tempasok berhasil mengusir Belanda dari Riau. Namun, mereka tidak berani tinggal di Riau dan meminta Sultan Terengganu mendamaikan dengan orang Belanda, akan tetapi Belanda menolak. Raja Yahya menjadi Yamtuan Besar Siak, Raja Muhammad Ali menjadi raja tua. Akibat ancaman perompak, salah satunya Syaid Ali, Sultan Terengganu meminta bantuan Inggeris. Inggeris memaafkannya. Sementara itu, Raja Ali telah diusir oleh Sultan Pontianak dan Belanda dari Sukadana. Kemudian ia menetap di Siantan, lalu pindah ke Langat dan kemudian ke Muar.

Inggeris menguasai Melaka pada tahun 1795 M. Sultan Mahmud diakui sebagai sultan oleh Inggeris dan Belanda. Sultan Selangor pergi ke Lingga dan menikahi Tengku Tengah. Selama dua tahun di sana, ia tidak boleh mendamaikan orang-orang Bugis dan Melayu. Ia ke negerinya dan mengalahkan Perak. Kemudian ia menyerahkan Kelang pada Raja Jaafar. Setelah mendamaikan Yamtuan Ali dan Engku Muda, Sultan Mahmud menikahi puteri Raja Haji yakni Raja Hamidah. Kemudian ketika Sultan Siak mangkat, Syaid Ali merebut kerajaan dari Raja Yahya. Raja Yahya melarikan diri ke Terengganu, menjadi gila dan meninggal. Dan Yamtuan Muda Ali juga meninggal lalu digantikan oleh Raja Jaafar. Disusul dengan kematian Sultan Mahmud yang kemudian digantikan Raja Abdul Rahman, seorang sultan yang sangat soleh. Raja Melaka, M.W. Farquhar marah kerana Yamtuan Muda berjanji akan berdamai dengan Belanda. Raffles datang ke Singapura dan Tengku Long, saudara tua Sultan Abdul Rahman dinobatkan menjadi Raja Singapura ketika itu.

Manuskrip *Tuhfat al-Nafis* diawali dengan ringkasan yang diambil dari *Sulalat al-Salatin* (Sejarah Melayu), dan kemudian menceritakan dengan lebih terperinci sejarah Kesultanan JohorRiau. Sosok dan tokoh utama dalam *Tuhfat al-Nafis* adalah para pangeran Bugis yang dengan kecekapan ketenteraan dan diplomatik mereka berjaya meraih kedudukan penting di

negerinegeri Riau, Selangor, Sambas dan Matan-Sukadana. *Tuhfat al-Nafis* (Hadiah berharga) merupakan sebuah karangan sejarah, tulisan Raja Ali Haji pada tahun 1885 M. Secara ringkasnya, ia menceritakan bagaimana pembabitan orang-orang Bugis bermula dan cemerlang di Tanah Melayu.

Tema yang berulang dalam paruh pertama *Tuhfat al-Nafis* adalah konflik antara orang-orang Minangkabau dari Siak dan angkatan aliansi Bugis dan Melayu. Konflik ini terjadi sama ada di wilayah Riau, Kedah, Selangor, Siak dan Kalimantan. Paruh kedua yang meliputi pertengahan abad ke-18 yang menceritakan berkembangnya permusuhan antara orang-orang Bugis dan Melayu di Riau, dan dua serbuan yang dipimpin oleh orang-orang Bugis terhadap Belanda di Melaka pada tahun 1756 M dan 1784 M. Serangan terakhir ini berakhir ketika Belanda menandatangani perjanjian dengan sultan Riau yang menyatakan kerajaannya hanya merupakan bawahan (fief) dari Serikat Dagang Hindia Belanda (VOC). Meskipun berpusat pada sejarah Riau dan Johor. *Tuhfat al-Nafis* juga memadukan sejarah pelbagai negeri Melayu lainnya seperti Siak, Kedah, Selangor, Kelantan, dan pantai barat Kalimantan.

Keobjektifan Kedua Manuskrip

Untuk kepengarangan *Tuhfat al-Nafis*, Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji kurang objektif dalam penulisan kitabnya ini. Hal ini demikian kerana, setelah meneliti kandungan *Tuhfat al-Nafis*, terdapat beberapa bukti dan beberapa aspek yang menunjukkan pengarang kurang objektif dalam penulisannya. Didapati bahawa pengarang manuskrip ini bersifat kurang objektif dalam penulisannya kerana pengarang mempunyai sentimen pro Bugis. Tema *Tuhfat al-Nafis* lebih cenderung kepada cerita-cerita raja dan masyarakat Bugis atau lebih dianggap sebagai *Bugis centric*. Hal ini dapat dilihat apabila pengarang bersifat antagonis terhadap suku kaum Melayu dan suku kaum Minangkabau. Pengarang sebenarnya mempunyai hubungan kait dengan kaum Bugis. Dalam hal ini, pengarang

merupakan keturunan daripada Yang Dipertua Kedua, iaitu Opu Daeng Celak.

Selain itu, pengarang juga memberi anggapan yang negatif terhadap kaum Melayu. Selain itu, pengarang juga kurang objektif terhadap penulisan *Tuhfat al-Nafis* iaitu pengarang cuba menaikkan imej Opu Bugis Lima Bersaudara. Hal ini dapat dilihat apabila pengarang cuba mempengaruhi pembaca mengenai kehandalan pahlawan Bugis. Kecondongan Raja Ali Haji terhadap semangat Bugis yang sememangnya handal dalam peperangan sehingga mereka dapat memegang beberapa jawatan tinggi dalam tampuk pemerintahan kerajaan Melayu Johor pada ketika itu. Dalam tulisannya, pengarang cuba menyatakan bahawa setiap kali campur tangan Opu Bugis Lima Bersaudara selalu berjaya menyelesaikan masalah perebutan takhta antara dua pihak yang bersengketa. Sebagai contoh, pengarang ada menceritakan Opu Bugis Lima Bersaudara membantu Sultan Muhammad Zainuddin untuk mendapatkan takhta pemerintahan kerajaan Matan yang sebelum ini dikuasai oleh Pangeran Agung. Seterusnya, dalam menceritakan peristiwa perjanjian antara Bugis dengan Minangkabau untuk menyerang Johor-Riau, Raja Ali Haji juga telah memberi satu tafsiran atau gambaran yang berpihak kepada pihak Bugis. Beliau telah mengeksploitasi peristiwa ini untuk memberi kesan yang baik kepada Bugis. Hal ini demikian kerana, apabila kita melihat Hikayat Siak, sememangnya hikayat ini telah memberi kesan buruk kepada Opu Bugis Lima Bersaudara. Justeru itu, dalam memerihalkan semula peristiwa tersebut, Raja Ali Haji telah menggunakan peristiwa ini untuk menunjukkan bahawa pihak Raja Kecillah yang bersalah dalam peristiwa ini. Beliau mengatakan (berdasarkan teks), Raja Kecillah yang sebenarnya telah berjumpa dengan Opu Bugis Lima Bersaudara untuk melanggar Johor. Akan tetapi, pihak Bugis menolak pelawaan tersebut kerana menurut mereka, itu adalah tipu dan muslihat Raja Kecil sahaja. Walaupun, penulisan *Tuhfat Al-Nafis* mempunyai kecondongan tetapi berdasarkan penulisan pengarang, terdapat juga keobjektifan dalam *Tuhfat alNafis*. Hal ini dapat dilihat apabila penulis menghuraikan tarikh yang tepat bagi segala peristiwa kelahiran, kemangkatan dan

pertabalan. Ini adalah keobjektifan yang sebenar. Oleh hal yang demikian, jelas menunjukkan pengarang menggunakan sumber yang benar dalam penulisan tanpa condong kepada manamana pihak. Selain daripada sistem pentarikan, penggunaan 'aku' dalam penulisan pengarang adalah objektif. Hal ini demikian kerana, pengarang berada di tempat kejadian dan mengalami sendiri kejadian tersebut. Di samping itu, ia menunjukkan peristiwa itu berlaku di depan mata pengarang sendiri. Begitulah yang digambarkan oleh penulis tentang kejadian yang berlaku ketika pengarang berada di tempat kejadian.

ANALISIS PERBADINGAN ANTARA TUHFAT AL-NAFIS DAN SULALAT AL-SALATIN

Kedua manuskrip antara Tuhfat al-Nafis dan Sulalat al-Salatin memiliki persamaan dan perbezaan, sama-sama pengungkap sejarah bagi sejarawan terutama mengenai negeri-negeri dalam Alam Melayu. Walaupun keduanya berbeza tetapi tetap sama sebagai sebuah karya sejarah, berunsur mitos, dongeng dan lagenda yang masih juga ada dalam karya ini. Namun pengarang kedua manuskrip ini merupakan tokoh hebat di zamannya, karya Tuhfat al-Nafis oleh Raja Ali Haji lebih mementingkan kebenaran daripada kepalsuan. Sedangkan Sulalat al-Salatin juga dikenal sebagai pengungkap Sejarah Melayu sebagai satu karya kebangkitan, kehebatan, kegemilangan dan kejatuhan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Berikut analisis perbandingannya.

Perbezaan Versi Kedua Manuskrip

Manuskrip Tuhfat al-Nafis bermakna secara bahasa ialah hadiah yang berharga, merupakan pedoman sejarah karangan Raja Ali Haji, seorang sasterawan dari Riau dan pangeran Kesultanan Riau-Lingga berketurunan Bugis. Manuskrip ini mula ditulis pada tahun 1885 M dalam tulisan Jawi. Dalam manuskrip ini dicatatkan kejadian-kejadian yang berlangsung pada abad ke-18 dan 19 M di pelbagai

negeri-negeri Kesultanan Melayu. Dikatakan bahawa ada empat manuskrip Tuhfat al-Nafis yang diketahui dan pendapat lain yang mengatakan ia ada lima manuskrip. Naskhah yang disalin telah diterbitkan pada tahun 1923 ke *Journal of the Malayan branch royal asiatic society*, di London.

Setelah dilaksanakan pencarian, maka pada tahun 1991 telah ditemukan dan dikenal pasti bahawa ada lima buah manuskrip Tuhfat al-Nafis, iaitu Manuskrip A, B, C, D, dan E. Iaitu Pertama, Manuskrip A terdapat di Koninklijk Instituut voor Taal-land-en Volkenkunde, KITLV or 69 (sebelum ini disebut HS 630), tanpa tajuk yang bertarikh asal 17 Rajab 1283 H, pemiliknya iaitu A.L. Van Hasseld. Kedua, Manuskrip B terdapat di Royal Asiatic Society London, tanpa tajuk, tarikh asal 17 Rajab 1282 H, pemiliknya adalah Mr. William Edward Maxwell C.M.G. Ketiga, Manuskrip C bertulisan Jawi, pemiliknya Tengku Fatimah, puteri Sultan Abu Bakar, Negeri Johor. Keempat, Manuskrip D terdapat di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan tajuk *Sejarah Raja-raja Melayu dan Bugis*. Keempat manuskrip E terdapat di Perpustakaan Universiti Leiden dengan tajuk Tuhfat al-Nafis. Manuskrip ini diserahkan kepada Universiti Leiden oleh Dr. A. Rinke pada tahun 1954. Kelima, Kesemua manuskrip di atas terbagi menjadi dua versi, satu berupa versi pendek dan empat lainnya berupa versi panjang. Versi pendek kurang lebih terdiri 88,000 perkataan, sedangkan versi panjang terdiri 127,000 perkataan.

Manuskrip *Sulalat al-Salatin* pula bermakna secara harfiah bermaksud penurunan segala raja-raja merupakan karya dalam Bahasa Melayu dan menggunakan juga tulisan Jawi. Karya ini memiliki sekurang-kurangnya 29 versi atau manuskrip yang tersebar di merata tempat di antaranya ada di Inggeris (10 di London, satu di Manchester), Belanda (11 di Leiden, satu di Amsterdam), Indonesia (lima di Jakarta), dan satu di Rusia (satu di Leningrad). *Sulalat al-Salatin* bergaya penulisan seperti babad, di sana-sini terdapat penggambaran hypocholic untuk memperbesarkan raja dan keluarganya. Namun, manuskrip ini dianggap penting kerana ia menggambarkan adat istiadat kerajaan,

salasilah raja dan sejarah Kerajaan Melayu dan boleh dikatakan menyerupai konsep Sejarah Sahih (Veritable History) Cina, yang mencatat sejarah dinasti sebelumnya.

Kesemua versi naskhah Sulalat al-Salatin yang ada, isinya bervariasi, sama ada pada fragmen, ada yang panjang dan ada juga yang pendek, tata letak cerita berbeza, transliterasi juga berbeza, bahkan ada versi salinan dari sebelumnya. Namun secara garis besarnya, naskhah-naskhah tersebut dapat dikelompokkan seperti: Pertama, versi suntingan Raffles, yang diterjemahkan pertama kali oleh John Leyden dalam Bahasa Inggeris tahun 1821 M. Kedua, versi suntingan dari Abdullah bin Abdul Kadir Musnyti tahun 1831. Ketiga, versi suntingan dari Edouard Dulaurier tahun 1849. Keempat, versi terjemahan kepada Bahasa Perancis tahun 1896. Kelima, versi suntingan William Shellabear tahun 1915. Keenam, versi dari Raffles 18, yang dipublikasikan oleh Richard Olaf Winstedt, tahun 1938. Dan versi suntingan Aman Datuk Madjoindo, dicetak di Jakarta tahun 1959 (Wolters, O.W, 1999).

Nama Pengarang Kedua Manuskrip

Antara manuskrip Tuhfat al-Nafis dan Sulalat al-Salatin telah ditulis oleh dua tokoh berpengaruh di Nusantara yang membuktikan kehebatan kepengarangan orang Melayu ketika itu sehingga karya-karyanya pun masih lagi dapat mempengaruhi dunia kepengarangan Nusantara. Tuhfat al-Nafis merupakan karya Raja Ali Haji yang menceritakan susur galur sejarah orang Bugis di Melaka, Johor dan juga Riau. Raja Ali Haji menekankan konsep historiografi tentang perihal orang Bugis dalam penjajahan dan penaklukan yang mengandungi banyak siri peperangan antara Raja Melayu dan Raja Bugis. Manuskrip tersebut merupakan catatan daripada Raja Haji Ahmad, iaitu ayahanda kepada Raja Ali Haji tetapi setelah meninggalnya beliau maka tugas penulisan selanjutnya disambung oleh Raja Ali Haji.

Sedangkan manuskrip Sulalat al-Salatin pula dikarang oleh Tun Sri Lanang yang sangat dikenali karyanya tersebut merangkumi sejarah masyarakat Melayu, Jawa, Brunei, Pattani dan Campa. Tun

Sri Lanang sebagai pengarang dan penyusun Sulalat al-Salatin dikenal baik sebagai sejarawan dan sasterawan. Manuskrip tersebut telah dapat disiapkan penulisan dan penyalinannya dalam masa dua tahun iaitu pada tahun 1614 M selepas tarikh penulisan yang dimulai pada tahun 1612 M. Sulalat al-Salatin diperakui sebagai satu sumber terkaya dan terlengkap yang menceritakan tentang sejarah bangsa-bangsa yang mendiami Alam Melayu. Manuskrip ini merupakan naskhah tulis tangan yang ditulis pada kertas menggunakan abjad Jawi. Karya ini kemungkinan pertama kali ditulis sekitar abad ke-16 M. Dalam Sulalat al-Salatin diceritakan bingkisan kiriman Batara Majapahit digambarkan nipisnya seperti kertas. Kemudian disebutkan juga kisah mengenai Hang Nadim telah berkunjung ke India dan memesan kain sebagaimana sketsa yang telah ditulis sebelumnya pada kertas. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat pada kawasan Melayu telah mengenal penggunaan kertas sebagai alat tulis bagi mereka.

Mukadimah Kedua Manuskrip

Pada awal teks Tuhfat al-Nafis ini, kita dapat meneliti betapa biasanya Raja Ali Haji dalam menulis Tuhfat al-Nafis. Hal ini dapat dibuktikan dengan caranya mengungkap hal-hal yang berkaitan dengan Raja Kecil dan Opu Bugis Lima Bersaudara. Seperti yang diketahui umum, Raja Kecil merupakan musuh utama kepada Opu Bugis Lima Bersaudara. Oleh sebab itu, kita dapati bahawa Raja Ali Haji seboleh mungkin memberi gambaran yang negatif terhadap Raja Kecil. Perkara ini dapat diteliti melalui bahagian-bahagian yang diperihalkan oleh Raja Ali Haji dalam teks ini, misalnya “Adalah Encik Pong itu dipakai memeng oleh baginda itu, telah bunting memeng, konon. Waktu baginda mangkat, orang-orang tengah bergadukan hal baginda. Maka Encik Pong dilarikan oleh Panglima Bebas, di bawahnya ke Pagar Ruyung, kepada puteri Janilan, lalu Encik Pong beranak di situ, iaitu laki-laki...” Jika dilihat secara sepintas lalu, sememangnya petikan di atas tidak banyak memberi kesan yang negatif kepada Raja Kecil. Maka dengan itu, kita dapati untuk mencapai motifnya, Raja Ali Haji cuba memberi gambaran

seterusnya tentang asal-usul Raja Kecil dalam situasi yang lebih buruk lagi. Kemudian dalam masa yang sama, kecenderungan Raja Ali Haji dapat dilihat dengan jelas, apabila beliau memerihalkan latar belakang Opu Bugis Lima Bersaudara. Keadaan ini bertujuan memberi gambaran kepada para pembaca bahawa Opu Bugis berasal daripada keturunan yang baik-baik berbanding dengan Raja Kecil. Dengan cara ini Raja Ali Haji berharap para pembaca akan memberi persepsi positif kepada kaum Bugis. Sementara yang terdapat pada mukadimah naskhah beberapa versi Sulalat al-Salatin terdapat perbezaan penafsiran untuk nama pengarang atau penyunting naskhah ini, di mana nama Tun Mambang dianggap sama dengan Tun Sri Lanang. Belakangan muncul versi yang dianggap mendekati versi aslinya namun tidak menyebutkan siapa pengarang atau pun penyuntingnya. Versi ini berisikan beberapa potongan cerita sebagaimana yang secara garis besar terdapat pada semua naskhah Sulalat al-Salatin, perbezaan versi ini terdapat pada bab tertentu yang telah memberikan penanggalan dalam Hijriah pada alur ceritanya, walau jika dikonfrontasi dengan sumber lainnya masih menimbulkan keraguan akan ketepatan penanggalan tersebut. Namun dari semua versi yang ada, perintah penyusunan naskhah dianggap sama yakni titah Yang Dipertuan di Hilir. Sedangkan dari huraian mukadimah naskhah pada versi Raffles 18 disebutkan bahawa penyusunan Sulalat al-Salatin ini adalah pada tahun 1612 M oleh Bendahara. Kemudian juga diketahui bahawa selepas penaklukan Aceh pada masa Sultan Iskandar Muda atas Johor tahun 1613 M, Sultan Johor kemudian ditawan dan dibawa ke Aceh. Pada salah satu bab dari Bustan al-Salatin, Nuruddin al-Raniri menyebutkan bahawa Bendahara Paduka Raja yang mengarang Sulalat al-Salatin merupakan salah satu sumber rujukannya.

Perbandingan Naskhah Kedua Manuskrip

Manuskrip Tuhfat al-Nafis diawali dengan ringkasan yang diambil dari Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu), dan kemudian menceritakan dengan lebih terperinci mengenai sejarah Kesultanan

Johor-Riau. Figur dinamis dalam *Tuhfat al-Nafis* adalah para pangeran Bugis, yang dengan kecekapan tentera dan diplomatik mereka berjaya meraih kedudukan penting di negeri-negeri Riau, Selangor, Sambas dan *Matan-Sukadana*. Dan tema yang selalu berulang dalam paruh pertama *Tuhfat al-Nafis* adalah konflik antara orang-orang Minangkabau dari Siak dan angkatan persekutuan Bugis dan Melayu. Konflik ini terjadi sama ada di wilayah Riau dan di Kedah, Selangor, Siak dan Kalimantan. Paruh kedua yang meliputi pertengahan abad ke-18 sampai 1864 menceritakan berkembangnya permusuhan antara orang-orang Bugis dan Melayu di Riau, dan dua serbuan yang dipimpin oleh orang-orang Bugis terhadap Belanda di Melaka pada 1756 dan 1784 M. Serangan terakhir ini berakhir ketika Belanda menanda tangani perjanjian dengan sultan Riau yang menyatakan kerajaannya hanya merupakan bawahan (fief) dari Serikat Dagang Hindia Belanda (VOC). Meskipun berpusat pada sejarah Riau dan Johor *Tuhfat al-Nafis* juga tetap memadukan sejarah pelbagai negeri Melayu lainnya seperti Siak, Kedah, Selangor, Kelantan dan barat Kalimantan.

Sementara naskhah *Sulalat al-Salatin* sama ada versi Raffles mahupun Shellabear pada dasarnya berisikan tentang pengakuan kekuasaan dan kompetisi dari para penguasa di Bumi Melayu, menceritakan sejarah mengenai kebangkitan, kegemilangan dan kejatuhan zaman pemerintahan Melayu yang ditulis oleh beberapa orang pengarang Melayu. Namun huraian teks pada naskhah tersebut belum dapat memberikan penjelasan tepat dan benar, kerana masih terdapat pertentangan dengan beberapa sumber primer sejarah lainnya seperti catatan yang dibuat oleh Portugal dan Belanda. Hal ini tidak lepas daripada keterangan bahawa *Sulalat al-Salatin* telah mengalami perubahan yang dilakukan oleh beberapa pengarang berikutnya yang kemungkinan adanya penambahan dan pengurangan isi teks pada naskhahnya. *Sulalat al-Salatin* memiliki beberapa variasi versi, kemungkinan versi pendek, versi yang belum diselesaikan penulisnya atau sebaliknya versi panjang merupakan tambahan yang dibuat oleh penulis berikutnya. Namun, secara keseluruhan *Sulalat al-Salatin* merupakan sebuah

karya besar yang merangkumi beberapa cerita atau kisah lain terkait dengan Dunia Melayu, sebagaimana cerita yang terdapat pada Hikayat Rajaraja Pasai, Hikayat Hang Tua, Hikayat Siak dan sebagainya.

Isi Kandungan Kedua Manuskrip

Kandungan manuskrip Tuhfat al-Nafis di mana Raja Ali Haji banyak menyelitkan unsur sejarah yang mencatatkan peristiwa dan pentarikan yang tepat. Gaya kepengarangan beliau yang lebih objektif kepada mengangkat martabat dan keagungan orang Bugis kerana beliau sendiri memang berketurunan Bugis. Bahkan setiap bab, beliau memperincikan secara mendalam tentang hubungan kerabat dan peristiwa yang mengangkat orang Bugis sebagai pemerintah Johor yang memperluaskan kuasa pemerintahan melalui pengembaraan, pelayaran dan peperangan bersiri. Selain itu, manuskrip ini banyak menerapkan unsur keislaman setelah kedatangan pedagang Arab dari Jeddah atas sebab kekayaan perdagangan di Johor. Pada permulaannya, pengarang mengisahkan tentang keruntuhan empayar di Melaka dan kezaliman raja Melayu yang saling berbunuhan untuk mendapat takhta dan menggunakan cara yang salah untuk berkuasa dalam pemerintahan.

Banyak pemikiran yang diutarakan oleh Raja Ali Haji dalam mengangkat orang Bugis. Beliau menggunakan gaya kepengarangan berbeza berbanding karyanya yang lain bahkan manuskrip ini dijadikan rujukan utama dalam pengkajian sejarah Johor. Selain itu, estetika dalam pengarangan beliau tampak lebih segar dengan elemen Islam yang tinggi selain kebudayaan dan pandangan hidup. Karya ini memaparkan pelbagai ilmu yang bertepatan dengan ciri sesebuah karya yang agung. Karya tatabahasa bahasa Melayu karangannya yang bertajuk Bustan al-Katibin Li al-Subyan al-Mutaalamin diterjemahkan (secara harfiah) ke dalam bahasa Melayu sebagai Kitab Perkebunan Jurutulis bagi Kanak-kanak yang Hendak Menuntut Belajar Akan Dia, dan merupakan kitab pelajaran ejaan dan tatabahasa. Naskhah Bustanul-Katibin ini telah dihasilkan

dalam bentuk cap batu pada 20 Syaaban 1273 H (15 April 1857 M) di Pulau Penyengat. Kitab setebal 70 halaman ini, terdiri daripada “mukadimah” (Pendahuluan), 31 fasal, dan “khatimah” (Penutup).

Sedangkan manuskrip Sulalat al-Salatin telah menghuraikan salasilah dari para raja di kawasan Melayu, bermula dari kedatangan Sang Sapurba keturunan Iskandar Zulkarnain, kemudian Sang Sapurba menjadi Maharaja diraja di Minangkabau, dan dari tokoh ini raja-raja di kawasan Melayu diturunkan. Selanjutnya terdapat kisah salah seorang putera Sang Sapurba dari perkahwinannya dengan Wan Sundaria, puteri Demang Lebar Daun, penguasa Palembang, yang bernama Sang Nila Utama bergelar Sri Tri Buana mendirikan Singapura dan puteranya yang lain, Sang Mutiara disebutkan menjadi raja di Tanjungpura. Sementara gelar Sang Nila Utama tersebut mirip dengan gelar Srimat Tribhuwanaraja Mauli Warmadewa dalam Prasasti Padang Roco yang bertarikh 1286 M, merupakan Maharaja di Bumi Melayu yang mendapat kiriman hadiah Arca Amoghapasa dari Kertanagara Maharajadiraja Singhasari. Kemudian pada tahun 1347 M, Adityawarman menambah pahatan aksara pada bahagian belakang Arca Amoghapasa tersebut, dan menyebutkan memulihkan kerajaan sebelumnya kemudian dinamainya Malayapura, serta ia sendiri menyandang gelar maharajadiraja.

Sulalat al-Salatin juga menceritakan tentang ekspansi Jawa di kawasan Melayu serta juga menyebutkan tentang sepeninggalnya Raja Majapahit, kemudian kedudukannya digantikan oleh anak perempuannya atas sokongan patihnya. Ratu Majapahit ini disebutkan menikah dengan putera Raja Tanjungpura. Hal ini jika dibandingkan dengan naskah Jawa Desawarnana dan Pararaton yang menceritakan tentang pergantian Raja Majapahit Jayanagara kepada saudara perempuannya Tribhuwana Wijayatunggadewi yang disokong oleh Gajah Mada. Ratu Majapahit ini kemudian menikah dengan Cakradhara bergelar Kertawardhana Bhre Tumapel, dan nantinya melahirkan Hayam Wuruk. Berdasarkan Prasasti Wingun Pitu terdapat Bhre Tanjungpura sebagai salah satu batara yang memerintah di salah satu daerah bawahan pemerintahan Majapahit. Prasasti ini bertarikh 1447 M,

kemungkinan pada akhir pemerintahan Ratu Suhita, dalam Pararaton Ratu Majapahit ini disebutkan menikah dengan Bhra Hyang Parameswara (Brandes, J.L.A, 1896). Secara rinci Sulalat al-Salatin memberikan urutan nama-nama raja di Melaka, kemudian terdapat berita kedatangan Afonso de Albuquerque dari Goa atas perintah Raja Portugal untuk menaklukkan Melaka tahun 1511 M pada masa Sultan Mahmud Syah. Perang melawan penaklukan Portugal ini membuat Sultan Melaka terpaksa berpindah pindah, mulai dari Bintan terus ke Kampar, kemudian ke Johor. Berdasarkan kronik China masa Dinasti Ming disebutkan pendiri Melaka adalah Pai-li-mi-su-la (Parameswara) yang mengunjungi Kaisar China tahun 1405 dan 1409 M, namun nama tersebut tidak dijumpai pada semua versi Sulalat al-Salatin, tetapi nama ini kemudian dirujuk kepada Raja Iskandar Syah. Kontroversi identifikasi tokoh ini masih diperdebatkan sampai sekarang. Penyampaian alur cerita pada Sulalat al-Salatin tidak lepas dari pengaruh politik yang berkuasa pada setiap masa penulisannya, kerana ada alur cerita yang tidak semua versi menyebutnya. Sisipan cerita tambahan tersebut mungkin sebagai legitimasi bagi penguasa-penguasa berikutnya di kawasan Melayu. Hal ini terlihat pada *Bustan al-Salatin*, pada salah satu pasalnya terdapat salasilah keturunan Sultan Aceh yang nasabnya dirujuk sampai kepada raja Melayu dari Bukit Si Guntang.

Kemudian ada pula sisipan cerita pengiriman utusan ke Makassar, yang kemudian pulang bersama seorang bangsawan Bugis yang hebat dan kemudian dikenal dengan nama Hang Tuah. Sementara dari versi lain Hang Tuah disebutkan hanyalah seorang nelayan dari Bintan namun memiliki kemahiran dalam silat, kemudian diangkat menjadi laksamana dan berperanan dalam menjaga Melaka dari ancaman luar. Sementara kisah kunjungan utusan Raja Melaka kepada Raja Goa di Sulawesi tidak dijumpai pada versi Raffles, Abdullah, Dulaurier, Shellabear, Winstedt, Madjoindo dan lainnya. Kisah tersebut hanya terdapat pada naskah yang disebut ada di Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia sahaja. Kemungkinan munculnya kisah ini sangat berkaitan dengan cerita sebagaimana yang terdapat pada *Tuhfat al-Nafis*. Sulalat al-Salatin menggambarkan keterkaitan masing-masing kawasan di

Nusantara. Kisah kedatangan Islam di Pasai telah memberikan gambaran tentang awal dakwah Islam di kawasan Alam Melayu. Kemudian dilanjutkan dengan cerita hubungan perkahwinan antara puteri Raja Pasai dengan Raja Melaka, yang menandakan Islam juga telah tersebar luas ke Melaka. Hubungan Pasai dan Melaka ini terus berlanjut di mana pada masa berikutnya Sultan Melaka disebutkan turut membantu memadamkan pemberontakan yang terjadi di Pasai. Laporan Ma Huan pembantu Cheng Ho menyebutkan bahawa sama ada adat istiadat seperti bahasa, mahupun tradisi pada upacara kelahiran, perkahwinan dan kematian dalam masyarakat Pasai dan Melaka adalah sama (Hooker, Virginia Matheson, 1991).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN SEJARAH DALAM TUHFAT AL-NAFIS DAN SULALAT AL-SALATIN

Manuskrip Tuhfat al-Nafis pengungkap sejarah yang tidak asing lagi terutamanya dalam kalangan sejarawan terutama mengenai Johor-Riau Lingga dan Tanah Melayu. Walaupun ia sebuah karya sejarah, unsur-unsur mitos, dongeng dan lagenda masih mempengaruhi karya ini. Namun, unsur mitos yang terkandung dalam karya ini tidak banyak kerana Raja Ali Haji lebih mementingkan kebenaran daripada kepalsuan. Bahagian awal karya ini, beliau telah menceritakan kelebihan, kehebatan dan keajaiban yang berlaku mengenai kelahiran atau asal usul keturunan raja-raja. Sementara Sulalat al-Salatin juga dikenal sebagai Sejarah Melayu sudah merupakan satu karya sejarah mengenai kebangkitan, kegemilangan dan kejatuhan zaman Kesultanan Melayu Melaka yang ditulis oleh beberapa orang pengarang. Namun terdapat pendapat yang mendakwa apabila (Portugis) menakluk Melaka, salinan Sejarah Melayu ini telah dibawa ke Goa, Sulawesi Selatan, Indonesia.

Pemikiran dalam Kedua Manuskrip

Karya *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji merupakan sebuah sastera sejarah bersifat pro-bugis yang berkisar salasilah raja Melayu dan Bugis, kedatangan Bugis ke alam Melayu serta peristiwa-peristiwa penting yang melibatkan masyarakat Bugis dalam percaturan politik di alam Melayu. Secara umumnya, karya Raja Ali Haji ini sarat dengan pelbagai aspek yang menjadikannya sebuah karya bercorak sejarah yang unik termasuklah dalam aspek pembinaan jati diri bangsa, pembentukan masyarakat, pendidikan, pemikiran, kritikan sosial dan peranan wanita. Dalam kebanyakan hal, suku Bugis cuba dilihat sebagai satu bangsa yang kuat dan berjaya, selain mempengaruhi banyak perkara dan keputusan di alam Melayu. Pemikiran Raja Ali Haji dalam penulisannya adalah berbeza dengan penulisan hikayat-hikayat sebelumnya.

Walaupun tujuan penulisan *Tuhfat al-Nafis* masih berkisar pada salasilah raja-raja Melayu dan Bugis, namun penulisannya menggambarkan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku yang ditulis dengan lebih memberikan tumpuan kerana sebab musabab suatu peristiwa itu berlaku. Selain itu, bagi memastikan penulisan beliau dianggap benar dan tepat, Raja Ali Haji juga dilihat cuba meletakkan penggunaan tarikh dalam peristiwa yang dicatatkan dalam karyanya tersebut. Berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis*, kebanyakan pembesar Riau termasuk sultannya merupakan mereka yang cenderung kepada pemikiran Islam seperti Yamtuan Raja Ali Kelana (Yamtuan Muda terakhir) dan Sultan Abdul Rahman I. Pemikiran Islam para pembesar Riau digambarkan dalam *Tuhfat al-Nafis* apabila mereka dilihat lebih cenderung kepada aktiviti keilmuan Islam, selain sentiasa mendekati diri kepada Allah dan mengingati tentang kematian.

Melalui karya *Sulalat al-Salatin* pula, melalui penulisnya Tun Sri Lanang mampu membuktikan minatnya terhadap sejarah dan politik di dunia Melayu ketika itu. Beliau telah mencorakkan kesusasteraan sejarah tertua Melayu dalam Kesultanan PasaiSamudera yang sedikit sebanyak menyumbang kepada idea penulisannya dalam karyanya *Sulalat al-Salatin*. Pemikiran yang

tertuang dalam karya ini menjadi idea ratusan puisi, drama, filem, lukisan, esei dan karya sejarah yang diilhamkan dari manuskrip ini yang juga banyak diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa lain di Nusantara termasuk Bahasa dari luar negara. Manuskrip Sulalat al-Salatin dianggap manuskrip penting di Alam Melayu kerana ia memberikan tuntutan adat istiadat kerajaan, susunan raja Melayu dan sejarah kerajaan Melayu sangat diperlukan dalam kehidupan seharian masyarakatnya.

Dinamika Kerajaan Melayu Versi Kedua Manuskrip

Kandungan Tuhfat al-Nafis banyak menceritakan tentang sebuah kerajaan besar di Sumatera. Mohd. Rashid et.al (2014) menyatakan bahawa teks merupakan teks yang terdiri daripada pengalaman-pengalaman dari negara lain. Selain itu, teks ini turut mencatatkan tentang peristiwa perkahwinan golongan bangsawan Riau dengan kerajaan Siak, Terengganu, Perak, Kedah, Selangor, Brunei dan Kalimantan Barat. Golongan bangsawan Melayu Riau berhubungan dengan Pahang dan Terengganu manakala orang Bugis Riau pula berhubungan dengan Kalimantan, Perak, Kedah dan Selangor.

Selain itu, pada awalnya Raja Ali Haji telah mengetengahkan kebesaran keturunan Bugis dengan menyatakan mengenai mimpi yang menjadi pendorong bagi anak-anak raja Bugis mengembara ke “tanah sebelah barat”. Mimpi Opu Dahing Menambun yang kononnya menjadi petanda dan ramalan penguasaan dan kebesaran yang akan dicapai oleh keluarga Bugis lima bersaudara di alam Melayu. Seterusnya, Raja Ali Haji juga mengetengahkan kebesaran keturunan Bugis dengan memerihalkan yang baik-baik sahaja tentang latar belakang Opu Bugis Lima Bersaudara. Hal ini ditunjukkan dalam penceritaannya tentang rupa paras Opu Bugis Lima Bersaudara seperti dalam petikan: “Adalah puteranya (Tendari Burung Daeng Ralaka) yang lima orang itu baik-baik belaka parasnya, serta dengan sikap pahlawannya. Akan tetapi Opu Daeng Celak yang tersangat baik parasnya, memberi ghairah hati perempuan-perempuan memandangnya...” (Hooker, Virginia Matheson, 1991: 47).

Raja Ali Haji prihatin tentang kepentingan tarikh dalam menceritakan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Dalam *Tuhfat al-Nafis* penggunaan tarikh menggunakan istilah 'tiada berapa lamanya' atau 'tiada berapa lama antaranya'. Selain itu, dalam konteks karya *Tuhfat al-Nafis*, unsur mitos pula merupakan sebahagian daripada ciri yang signifikan, terutama pada bahagian awal teks tersebut. Kewujudan unsur mitos dalam teks tersebut berkait rapat dengan realiti kehidupan masyarakat Melayu pada zaman itu yang masih berada dalam lingkungan pengaruh Hindu dan animisme yang kuat. Antara mitos yang dapat dikenal pasti dalam karya *Tuhfat al-Nafis* ialah melalui peristiwa Badang menjadi gagah setelah makan muntah hantu. Badang telah beroleh kekuatan dan kegagahan yang sangat luar biasa setelah memakan muntah hantu. Kehandalan seorang rakyat bernama si Badang yang boleh mencabut kayu-kayu dua tiga pemeluk disebabkan makan muntah hantu.

Perbincangan mengenai manuskrip *Sulalat al-Salatin* pula telah diperakui sebagai satu sumber terkaya dan terlengkap yang menceritakan tentang sejarah bangsa-bangsa di Nusantara. Karya-karya yang dimuatkan dalam kitab ini termasuklah yang berunsur humor dan kisah-kisah cinta serta salasilah raja-raja yang telah disampaikan mesejnya kepada pembaca melalui imaginasi yang kaya, lukisannya tepat dan tajam. Pengarang juga berjaya menunjukkan penguasaannya dalam pelbagai bahasa asing seperti bahasa Arab dan Jawa. Penggunaan bahasa Melayunya pula dikarang dengan indah dan sesuai dijadikan panduan penulisan sepanjang zaman.

Melalui karya ini, dapat dibuktikan bahawa penulisnya Tun Sri Lanang mempunyai minat yang tinggi dengan sejarah dan suasana pergolakan politik Melaka pada ketika itu. Beliau sangat berminat membaca naskhah sastera dan sejarah tertua seperti Hikayat Raja-raja Pasai (Kesultanan Pasai-Samudera) yang sedikit sebanyak menyumbang kepada idea penulisannya dalam karya *Sulalat al-Salatin*. Kini, ratusan puisi, drama, filem, lukisan, esei dan karya sejarah adalah diilhamkan daripada manuskrip *Sulalat al-Salatin* yang juga banyak diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa

lain seperti Jerman, Russia dan Inggeris. Manuskrip Sulalat al-Salatin dianggap penting kerana ia memberikan adat istiadat kerajaan, susunan raja Melayu dan sejarah kerajaan Melayu yang boleh dikatakan menyerupai konsep Sejarah Sahih China, di mana pada setiap pertukaran Dinasti di China, sejarah Dinasti sebelumnya ditulis dan disimpan di arkib negara tersebut.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan bahawa Tuhfat al-Nafis adalah karya dihasilkan oleh Raja Ali Haji berasaskan ilmu pengetahuan yang diperoleh sejak kecil. Kitab-kitab beliau sangat sesuai dijadikan panduan dan iktibar oleh masyarakat masa kini dalam menjalani kehidupan seharian. Diharapkan agar semua karya Raja Ali Haji yang bagus seperti ini dipelihara dan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada generasi akan datang. Karya ini bersifat historiografi memaparkan sejarah kerajaan Bugis di Johor-RiauLingga dan tanah Melayu. Pengarangnya merupakan orang Bugis dilihat sangat bias dalam penulisannya, sehingga semua benda yang ada di alam Melayu ingin dikatakan berasal daripada Bugis. Namun begitu, di dalam karya ini ditonjolkan nilai, nilai budaya, pandangan hidup dan suasana masyarakat ketika itu. Namun begitu, nilai-nilai dan pandangan hidup tersebut tidaklah dinyatakan secara jelas, melainkan perlu pengkajian lagi hal-hal tersebut.

Raja Ali Haji boleh dikatakan sebagai seorang tokoh karya agung yang telah banyak berjasa kepada dunia penulisan. Beliau telah menulis banyak karya dalam pelbagai bidang seperti bidang keagamaan, kesusasteraan, bahasa, sejarah dan ketatanegaraan. Selain Tuhfat al-Nafis, beliau juga menulis karya lain seperti Bustan al-Katibin, Gurindam Dua Belas, Salasilah Melayu-Bugis, Kitab Pengetahuan Bahasa dan pelbagai lagi. Adanya Tuhfat al-Nafis sebagai salah satu karya sejarah yang terpenting berisi tentang riwayat kerajaan-kerajaan Melayu sampai Singapura, mulai dari asal-usulnya sehingga tahun 1865 M. Manuskrip ini membawa beberapa pembaharuan dalam kesusasteraan Melayu klasik dengan adanya nama pengarang dan tarikh tahun. Walaupun tidak secara

keseluruhan membawa aliran baharu, Raja Ali Haji dapat dianggap membawa kemajuan disebabkan latar pendidikannya yang lebih baik daripada penulispenulis lain sebelumnya.

Perbincangan mengenai Tun Sri Lanang pula yang berjaya mengupas tentang penglibatannya dalam dunia penulisan kesusasteraan Melayu sekaligus mengangkat nama beliau sebagai pengarang dan penyusun Sejarah Melayu atau yang dinamai Sulalat al-Salatin. Manuskrip ini merupakan suatu karya atau manifestasi bersifat individualiti yang merujuk kepada pengarangnya iaitu Tun Sri Lanang. Beliau adalah orang yang bertanggungjawab menjadikan Hikayat Melayu sebuah karya yang begitu indah sekali dengan idea dan imaginasi bernasnya yang disampaikan dalam karya *Sulalat al-Salatin*. Beliau seperti yang dikenali adalah seorang sasterawan yang terkenal pada zaman kesultanan Melayu. Beliau adalah orang yang bertanggungjawab mengarang dan menyusun kembali Hikayat Melayu di atas titah Raja Abdullah pada tahun 1612 M dan berjaya menyiapkannya pada tahun 1612 M.

Selain itu, kepengarangan beliau tidak dapat disangkal lagi dengan wujudnya pelbagai fakta-fakta dan bukti-bukti yang menyokong keaslian dan ketulenan beliau sebagai penulis asal kitab Sulalat al-Salatin ini. Kebijaksanaan dan kepintaran beliau dalam ilmu mengarang jelas terpancar dalam karyanya apabila beliau berjaya menyampaikan mesej dan pengajaran melalui kata-kata yang tersusun indah dalam bait-baitnya serta imaginasi lakaran peristiwa terlukis indah dalam kitab tersebut. Maka wajar kalau sekiranya beliau dianggap sebagai penyalin Hikayat Melayu bahkan sebagai orang yang mengarang, menulis, memperbaiki dan mempertingkatkan mutu karya awal sehingga terhasilnya karya agung dalam catatan Sejarah Melayu yang dikenali umum. Dengan itu terserlahlah ilmu kepengarangan dan persuratan Tun Sri Lanang dalam memartabatkan sejarah kegemilangan masyarakat Melayu seperti yang tercatat dalam karya agungnya tersebut.

RUJUKAN

- Al-Quran dan Terjemahannya*. (1986). Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.
- Ahmad Rizal Rahim. (2000). *Sulalatus Salatin*. T.tp. Jade Green Publications.
- Amad Bahri Mardi. (t.th). *Tun Sri Lanang tokoh persuratan Melayu: Koleksi esei sejarah*. Johor Bahru: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Johor.
- Amad Bahri Mardi. Tun Sri Lanang pengarang atau penyalin sejarah Melayu?. Keratan Akhbar Mingguan Wasilah. 1723 Ogos 2008.
- Annabel Teh Gallop. (2004). *Seni mushaf di Asia Tenggara*. (terj. Ali Akbar). Lektur. Vol. 2. No. 2, Jakarta: Puslitbang Lektur Keagamaan.
- Brandes, J.L.A. (1904). *Nāgarakrētāgama: Lofdicht van Prapanjtja op koning Rasadjanagara*, Hajam Wuruk, van Madjapahit, Albrecht. Brandes, J.L.A. (1896). *Pararaton: Ken Arok of het boek der koningen van Tumapel en van Majapahit*, Albrecht & Rusche.
- Bruinessen, Martin van. (1995). *Kitab kuning, pesantren dan tarekat: Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan.
- Endang Sudrajat. `Perkembangan penerbitan dan problema pentashihan`. *Kertas kerja* pada Lokakarya Penerbit Mushaf al-Quran. Bekasi, 29-30 Mac 2011.
- Ghazali Darussalam. (2001). *Sumbangan sarjana dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Hooker, Virginia Matheson. (1984). *Tuhfat al-Nafis: Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Fajar Bhakti. Sdn. Bhd.
- Hooker, Virginia Matheson. (1991). *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, Zahrah. (1986). *Sastera sejarah: Interpretasi dan penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1985). *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

- Kamus Besar bahasa Indonesia*. (1988). Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Kamus Dewan* (edisi baru). (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kern, J.H.C. (1907). *De wij-inscriptie op het amoghapāṣa beeld van Padang Candi* (Batang Hari-districten); 1269 Çaka, Tijdschrift voor Indische Taal-, Land-, en Volkenkunde.
- Liow Yock Fang. (1993). *Sejarah kesusasteraan Melayu klasik*. Jakarta: Erlangga.
- Marsden, W. (1811). *The history of Sumatra*. London: Tp.
- Milner, A. (2010). *The Malays*. T.tp. John Wiley and Sons.
- Mohd. Taib Osman. (T.th). *Tuhfat al-Nafis: Corak historiografinya, Persamaan dan Penyimpangan dari tradisi histogafi Melayu*. (Sastera sejarah interpretasi dan penilaian). T.tp.
- Mohd Rashid Md Idris. (2011). *Nilai Melayu dalam pantun*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Mohd Rashid Md Idris, et al. (2014). *Karya agung Melayu*. Tanjong Malim, Perak: Penerbit UPSI.
- Muljana, Slamet. (1981). Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi. Jakarta: Yayasan Idayu.
- Muhammad Haji Salleh. (2009). *Risalah Tun Sri Lanang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. (1997). *al-Quran sumber tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Nik Hassan Suhaimi. (2000). *Kesenian Melayu: Roh Islam dalam Penciptaan*. Mohd Taib Osman Etal (ed), Tamadun Islam di Malaysia.
- Peeters, Jeroen. (1995). *Palembang revisited: Further notes on the printing establishment of Kemas Haji Muhammad Azhari, 1848*. International institute for Asian studies (IIAS) yearbook.
- Proudfoot, Lan. (1994). *Malay books printed in Bombay: A report on sources for historical bibliography*. Kekal abadi.
- Raffles, T.S. (1821). *Malay annals* (translated from the Malay language, by the late Dr. John Leyden).

- Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji. (1997). *Tuhfat al-Nafis*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti. Sdn. Bhd.
- Roolvink, R. (1967). *The variant version of the Malay annals*. T.tp. kitlv-journals.
- Samad, A. A. (1979). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyed Hussein Nasr. (1987). *Spiritualitas dan seni Islam*. Bandung: Mizan.
- Shellabear, W.G. (1915). *Sejarah Melayu or the Malay annals*. T.tp. Methodist Publishing House.
- Sidi Gazalba. (1977). *Pandangan Islam tentang kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2004). *Kepengarangan Tun Sri Lanang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sri Lanang Jaya Hj. Rohani, Abd. Rahman Napiah Mohd Rashid Md. Idris. (2016). *Karya agung*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Wolters, O.W. (1999). *History, culture, and region in Southeast Asian perspectives*. T.tp. SEAP Publications.
- Yuanzhi Kong. (2000). *Muslim Tionghoa Cheng Ho: Misteri perjalanan muhibah di Nusantara*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Wake, Christopher, H. (1964). 'Malacca's early kings and the reception of Islam'. *Journal of Southeast Asian History* 5, No. 2, pp. 104-128. Artikel disesuaikan daripada Raja Masittah Raja Ariffin. (1990). "Raja Ali Haji (1809-1870) dalam siri "Catatan Dokumentasi". *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 24, Bil. 1.
- Hazman Azhar. (2013). Wacana karya-karya agung. Dipetik pada: 29 Mac 2016. Daripada laman web: <http://www.scribd.com/doc/140534760/Nota-SJH3102Bab-3-Keunikan-Karya-Agung#scribd>.
- <http://raja-ali-haji.html>. <http://tun.sri.lanang.html>. <http://tuhfat-al-salatin.html>.